

Jilid I
Bil. 6



Hari Rabu
12hb Disember, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dato' Seri Rafidah Aziz [Ruangan 761]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 761]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 807]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan
(1989 dan 1990) (No. 2) [Ruangan 808]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Maksud B. 30 [Ruangan 886]

Jadual Kedua:

Maksud B. 4 dan B. 9 [Ruangan 812]

Maksud B. 15 dan B. 16 [Ruangan 841]

Maksud B. 17 [Ruangan 865]

Maksud B. 18 [Ruangan 865]

Maksud B. 19 [Ruangan 870]

Maksud B. 20 [Ruangan 875]

KANDUNGAN—(samb.)

Maksud B. 21 [Ruangan 875]

Maksud B. 26 dan B. 60 [Ruangan 876]

Maksud B. 28, B. 29 dan B. 30 [Ruangan 886]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1990 [Ruangan 841]

Jawatankuasa—

Maksud P. 14 [Ruangan 841]

Maksud P. 17 [Ruangan 865]

Maksud P. 25 [Ruangan 876]

Maksud P. 26 dan P. 60 [Ruangan 876]

Maksud P. 27 [Ruangan 885]

Maksud P. 28 [Ruangan 886]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

„ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUND BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUL, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAI, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO TIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMAD KHALID BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAIM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 12hb Disember, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Y.B. Dato' Seri Rafidah Aziz.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**SUBSIDI BAJA DAN
PENINGKATAN HASIL PADI**

1. **Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar** minta Menteri Pertanian menyatakan semenjak diadakan subsidi baja dan subsidi padi, berapa banyakkah peningkatan pengeluaran padi per hektar dan seterusnya sumbangan pengeluaran padi dan beras tempatan kepada permintaan negara.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar subsidi baja diadakan untuk meningkatkan pengeluaran padi dan sekali gus

membantu pak tani. Subsidi harga padi pula bukanlah bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran padi, tetapi sebaliknya untuk meningkatkan pendapatan pak tani walaupun tanpa menambah pengeluaran. Kesan sampingan kerana penggalakan pak tani menanam padi kerana adanya subsidi harga padi tidaklah ketara.

Berdasarkan kajian keberkesanan skim subsidi baja yang dibuat oleh MARDI semenjak tahun 1979 adalah didapati peningkatan positif hasil padi berbeza mengikut kawasan kerana peningkatannya juga bergantung kepada pemilihan variety, jenis tanah, pengurusan dan sebagainya. Pada tahun 1979, peningkatan hasil padi kerana baja subsidi adalah di antara 4.8 kilogram hingga 24.5 kilogram bagi setiap kilogram baja yang digunakan. Kadar peningkatan terus positif sepanjang tiga tahun subsidi baja diberi.

Sebelum tahun 1979 dan sebelum subsidi diberi, pengeluaran padi tidak pernah mencapai 3 tan sehektar. Tetapi purata hasil tersebut meningkat hingga 3.7 tan metrik sehektar pada tahun 1985, 1986 dan 1987. Bagi luar musim, purata hasil 3.6 metrik tan sehektar dalam tahun 1986. Pengeluaran di atas mencapai keperluan saradiri negara di antara 70% ke 85%.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan mempunyai suatu perancangan jangka panjang ke arah pengeluaran padi yang memungkinkan negara tidak perlu lagi mengimport

beras dari luar negeri? Apakah tindakan Kerajaan terhadap kelemahan pembahagian subsidi di peringkat bawah kerana ada di antaranya yang tidak sampai ke sasaran, yakni kepada pak tani, bahkan dilonggok oleh orang-orang yang tertentu di peringkat bawah?

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Mengenai bahagian kedua daripada jawapan Yang Berhormat, jika ada terdapat pak tani yang berhak menerima subsidi, tetapi tidak menerimanya, kami memohon laporan yang teliti daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Mengenai pengeluaran padi, Kerajaan tidak berhasrat untuk mematikan. Kita mempunyai pengeluaran padi yang cukup untuk keperluan negara. Sebabnya ialah padi yang kita import daripada luar negeri bukanlah jenis padi yang kita tanam di dalam negara. Padi yang kita import umumnya memerlukan masa lebih daripada enam bulan untuk kita tanam. Walaupun harga padi ini lebih mahal daripada padi yang kita biasa tanam, tetapi kita tidak boleh tanam dua kali padi yang memakan masa lebih daripada enam bulan. Oleh itu, jika kita tanam padi jenis import, maka kita tidak boleh tanam dua kali walaupun harganya mahal, tetapi pendapatan pak tani menjadi bertambah kurang.

Oleh itu jika kita menggalakkan penanaman padi, kecuali jika kita tanam dua kali setahun, maka dengan sendirinya ia akan jadi tidak ekonomik bagi pak tani. Oleh itu kita tidak dapat mengorbankan kepentingan pak tani hanya untuk memastikan kita tidak import daripada luar negeri. Adalah lebih bermanfaat bagi masyarakat di dalam negara ini jika kita import padi daripada luar negeri kerana padi daripada luar negeri biasanya lebih murah jika kita tanam sendiri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Datuk Seri tadi dan juga soalan daripada Yang Berhormat dari Marang menunjukkan bahawa kita hanya mampu untuk mencapai tahap 70% penggunaan beras daripada hasil tempatan. Baru-baru ini Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa untuk mengurangkan kos import dan untuk menjamin import kita lebih terjamin di masa akan datang, kita akan membuat pelaburan di negeri China. Sejauhmana usaha-usaha dibuat ke arah tersebut dan apakah pelaburan di China ini boleh menguntungkan kita dari segi jangka panjang?

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya cerita ini tidak dapat dengan jelas di dalam media massa. Dalam satu pertemuan saya di Beijing dengan Timbalan Menteri Pertanian China, beliau telah bertanya kepada saya sama ada kita boleh membantu mereka untuk menanam getah. Saya katakan Kerajaan tidak terlibat di dalam penanaman getah. Jadi, kalau ada orang yang hendak membantu di negeri China tentulah pihak swasta. Tetapi kalau pihak swasta hendak membantu negara China untuk menanam getah sudah tentu dia tidak begitu gigih untuk menanam kerana getah adalah bahan yang kita eksport daripada sini ke negeri China.

Saya juga menyatakan bahawa saya tidak bertanggungjawab secara langsung di atas urusan getah. Saya lebih faham mengenai padi. Kalau negara China ada padi yang mutunya tinggi dan harganya baik, dia boleh bersaing untuk eksport ke negara kita supaya kita dapat padi yang lebih murah. Pada waktu itu wakil China bertanya kepada saya apakah kita sanggup menanam padi di negeri China. Saya menyatakan bahawa saya akan memberitahu kepada pihak-pihak

yang berminat dan pihak kita boleh koordinasi dengan orang-orang yang berminat untuk menanam padi di negeri China.

Pihak China di Hainan bersetuju untuk memajukan tanahnya lebih daripada 10,000 hektar untuk pihak kita menanam padi di sana. Jadi, saya fikir kalau orang-orang negeri asing boleh datang ke negeri kita untuk memajak tanah kita, tidak ada sebab kita tidak boleh pergi ke negeri China untuk memajak tanahnya. Tetapi program ini bukan program Kerajaan. Kalau ada orang yang berminat bolehlah pergi tetapi pihak Kerajaan sendiri tidak akan pergi melabur di negara China.

UNITED ASIAN BANK— RESCUE SCHEME

2. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah rasionalnya untuk "Bank of Commerce" mengambilalih "United Asian Bank" dengan satu "rescue scheme" seperti yang telah dikemukakan baru-baru ini. Manakah bank yang lebih beruntung dan bukannya "rescue scheme" ini menjadi satu skim yang tidak munasabah;
- (b) apakah sebab-sebabnya sembilan saham UAB boleh ditukar dengan dua saham BCB dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan dari segi penilaian, keuntungan "share premium" dan "goodwill" dan bukan sahaja dari segi kos kepada Bank Negara; dan
- (c) dengan kehilangan satu Institusi Kewangan dari pegangan kaum India di negara kita, apakah kesan dari segi pertumbuhan ekonomi kaum India di negara kita dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan

untuk memberi satu lagi lesen Institusi Kewangan kepada kaum India di negara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan
(Tuan Abdul Ghani bin Othman):**
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam tempoh tahun 1984 hingga 1986 dahulu, United Asian Bank Berhad telah mengalami kerugian yang teruk sehingga menjadikannya tidak solven. Oleh kerana pemegang-pemegang saham United Asian Bank ketika itu enggan memasukkan modal baru, maka sebagai usaha untuk melindungi kepentingan para pendeposit dan mengekalkan keutuhan sistem bank secara keseluruhannya, Bank Negara Malaysia telah mengambil tindakan menurut seksyen 31A Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dengan merombak semula Lembaga Pengarah dan pengurusan United Asian Bank dan memasukkan modal baru berjumlah \$359 juta. Langkah ini sekaligus meletakkan Bank Negara sebagai pemegang saham terbesar United Asian Bank pada tahap 78.5%.

Selaras dengan dasar Bank Negara yang tidak ingin meletakkan dirinya dalam keadaan percanggahan kepentingan atau, dengan izin, conflict of interest di antara tanggungjawab sebagai pengawal institusi-institusi kewangan dengan tanggungjawab sebagai pemegang saham bank-bank, maka Bank Negara telah mengambil keputusan untuk menjual kesemua saham United Asian Bank yang dipegangnya secepat mungkin. Penjualan saham United Asian Bank

kepada Bank of Commerce Berhad adalah merupakan lanjutan kepada skim penyelamat Bank Negara ke atas United Asian Bank. Proses penjualan itu adalah teratur setelah pemegang-pemegang saham asal United Asian Bank tidak sanggup memulihkan kedudukan modalnya yang terhapus disebabkan oleh kerugian.

- (b) Kadar pertukaran di antara saham United Asian Bank dengan Bank of Commerce adalah diasaskan kepada nilai aset bersih bagi kedua-dua bank itu. Pada 31hb Disember 1989, nilai aset bersih United Asian Bank ialah sebanyak 23 sen sesyer manakala nilai aset bersih Bank of Commerce Berhad ialah sebanyak \$1.70 sen sesyer. Dengan demikian, Bank Negara berpendapat bahawa kadar pertukaran tersebut adalah adil dan saksama bagi semua pihak.
- (c) Penjualan saham milik Bank Negara dalam United Asian Bank kepada Bank of Commerce Berhad itu tidak menjejaskan kepentingan mana-mana pihak kerana penjualan itu hanya merupakan perubahan ke atas salah satu daripada pemegang saham United Asian Bank. Perubahan ini tidak harus dikaitkan dengan kepentingan mana-mana pihak kerana bank-bank yang sedia ada sentiasa bersedia untuk memberi perkhidmatan kepada semua pihak yang memerlukan.

Dalam hubungan ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengeluarkan lesen institusi kewangan yang baru kepada mana-mana pihak. Ini adalah memandangkan bahawa

jumlah institusi kewangan yang sedia ada adalah lebih daripada mencukupi. Sebaliknya, Kerajaan sedang berusaha untuk mengurangkan jumlah lesen melalui proses percantuman di kalangan institusi-institusi kewangan yang sedia ada, seperti yang sedang dilakukan oleh United Asian Bank dan Bank of Commerce Berhad. Kerajaan berpendapat bahawa institusi-institusi kewangan yang kecil bilangannya tetapi bermodal besar dan diurus dengan baik adalah lebih baik jika dibandingkan dengan jumlah institusi kewangan yang banyak tetapi kebanyakannya bermodal kecil dan ber masalah. Walau bagaimanapun, mana-mana pihak yang berminat boleh memperolehi pegangan ekuiti dalam mana-mana institusi kewangan yang sedia ada di Malaysia sekarang.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tambahan. Yang pertama, dengan nilai 23 sen sahaja satu saham di atas pertukaran UAB kepada Bank of Commerce, nampaknya tidak ada dikenakan apa-apa premium atau goodwill di dalam nilai yang telah ditetapkan di atas UAB ini. Saya ingin mendapat tahu sebab apa tidak ada goodwill atau premium diambil kira dalam perkiraan ini?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak kaum India telah hilang tiga buah lesen bank sebelum tahun 1970 untuk kita mengumpulkan semuanya di bawah UAB dan persefahaman yang telah diperolehi pada masa itu ialah pegangan kaum India di dalam UAB ini tidak akan ditukar. Apakah sebabnya sekarang pegangan saham ini telahpun ditukar?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, nilai 23 sen adalah berdasarkan kepada nilai bersih aset United Asian Bank. Tentang kandungan goodwill dan premium sebenarnya adalah terkandung di dalam apa jua transaksi yang akan berlaku di antara pihak United Asian Bank dengan pihak Bank of Commerce dan itu tidak dapat disebutkan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kepentingan masyarakat India, perkara jual beli, untung rugi, hilang dan dapat semula dan sebagainya adalah perkara lumrah di dalam dunia perniagaan lebih-lebih lagi di dalam bidang korporat dan institusi kewangan. Ini adalah merupakan sebahagian daripada perkara yang berlaku di dalam sistem pasaran terbuka seperti yang ada di Malaysia. Yang lebih penting, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk kita memastikan bahawa Bank Negara menjalankan tanggungjawabnya dengan sewajarnya untuk bukan sahaja menyelamatkan United Asian Bank itu tetapi untuk memelihara institusi sistem kewangan negara kita pada keseluruhannya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria yang digunakan untuk memastikan bahawa lesen-lesen institusi kewangan sekarang itu sudah berlebihan daripada yang dikehendaki untuk kesihatan kewangan negara ini? Bolehkah Yang Berhormat menyatakan bilangan lesen yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian? Mengapa Bank of Commerce dipilih untuk mengambilalih United Asian Bank, bukan bank-bank yang lain seperti Malayan Banking Berhad, UMBC dan sebagainya? Adakah itu hubungan kait yang rapat di antara Bank of Commerce dan Bank Negara?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kriteria, seperti yang saya

memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam bahagian (c) bahawa pendekatan yang diambil oleh pihak Bank Negara ialah untuk memastikan bahawa institusi kewangan yang mempunyai lesen tersebut adalah mampu untuk melaksanakan kegiatannya dan kebelakangan ini terbukti bahawa dapat hubungan yang sahlah bahawa bilangan yang kecil berdasarkan kepada pembayaran modal yang besar membawa kepada peneguhan institusi kewangan berkenaan dan juga sistem kewangan pada keseluruhannya. Jadi, kalau hendak ditanya kriteria, saya menyebut kriteria itu secara menyeluruh, Tuan Yang di-Pertua.

Mengapa Bank of Commerce, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan lagi apa yang disebutkan tadi bahawa dalam sistem pasaran terbuka seperti yang ada di Malaysia ini, jual-beli, untung-rugi dan sebagainya berlaku sebagai amalan biasa. Jika sekiranya Bank of Commerce adalah bank yang mampu dalam soal ini, maka bank itulah yang dianggap wajar untuk mengambilalih United Asian Bank.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sudah cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw: Berapakah bilangan lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan sekarang untuk institusi kewangan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Jika sekiranya Yang Berhormat perlukan maklumat yang terperinci seperti tersebut, saya akan bekalkan dalam bentuk penulisan.

SISTEM PENDIDIKAN ISLAM SEPADU

3. **Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan dan bilakah Kementerian Pendidikan hendak

melaksanakan Sistem Pendidikan Islam bersepadu dan menyeluruh bagi Sekolah Kebangsaan, khususnya dari darjah I hingga VI kerana jika sistem sekarang ini berterusan membebankan murid-murid petang iaitu Sekolah Agama dan Kebangsaan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Pendidikan Islam KBSR (1983) dan Pendidikan Islam KBSM (1989) adalah merupakan antara rancangan Kerajaan ke arah pelaksanaan Sistem Pendidikan Islam Sepadu dan menyeluruh bagi sekolah kebangsaan kita. Kementerian Pendidikan merasakan bahawa mata-pelajaran Pendidikan Islam dalam KBSR dan KBSM mampu melahirkan pelajar-pelajar yang beriman, beramal soleh, berakhlak dan berilmu atau melahirkan insan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Dari segi pelaksanaan falsafah Pendidikan Negara, adalah diharapkan Pendidikan Sepadu Ilmu Quran dan Al-Hadis yang dilaksanakan di sekolah-sekolah akan dapat melahirkan insan yang seimbang berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Oleh itu anggapan Yang Berhormat yang menyatakan Sistem Pendidikan Islam sekarang membebankan adalah tidak timbul. Dasar itu juga tidak memerlukan murid-murid memasuki sekolah agama di waktu petang. Walaupun begitu, Kementerian Pendidikan mengalu-alukan sikap para ibubapa untuk memberi pendidikan agama tambahan kepada anak-anak mereka.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepatutnya jawapan No. 3 ini dijawab oleh Menteri Pendidikan sendiri tetapi apa boleh buat. Setiap kali beliau tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian sedar akibat daripada Sistem Pendidikan Islam yang tidak bersepadu ini menyebabkan kesedaran rakyat ataupun kesedaran masyarakat untuk mendapat kefahaman yang benar mengenai Islam ini. Mereka terpaksa membawa anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama. Sehingga hari ini melimpah di seluruh negara dan menyebabkan satu masalah baru timbul kerana anak-anak yang mereka bawa itu tidak dapat diterima oleh sekolah. Misalnya, kalau saya kata berlaku di Wilayah Persekutuan sendiri, peruntukan yang diterima oleh sekolah 37 orang tetapi pemohonnya 600 lebih. Kalau sekiranya Kerajaan sedar, apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini, dan perkembangan Islam yang dirasai oleh masyarakat hari ini begitu sekali ketara dan tidak patut, saya rasa, kalau pihak Kementerian mendiam diri.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, atas soalan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi bahawa saya ini memberi jawapan sebagai wakil Kementerian Pendidikan dan ini adalah tanggungjawab kita bersama di Dewan ini dan semuanya kita telah terima dari segi dasar dan pelaksanaannya. Mengenai masalah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi, memang kita sedar bahawa kita memerlukan tempat-tempat untuk pendidikan dan juga Kerajaan sentiasa peka kepada pembangunan dan perkembangan dari segi keperluan agama pada masa kini dan kita mengambil tindakan sewajarnya untuk memenuhi keperluannya.

CUKAI DIBAYAR OLEH RAKYAT KELANTAN

4. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) adakah beliau sedar bahawa rakyat Kelantan juga telah

membayar berbagai jenis cukai kepada Kerajaan Pusat. Dan berapa peratuskah kadar cukai dari rakyat Kelantan itu dibandingkan dengan jumlah peratus cukai di seluruh negara; dan

- (b) apakah benar dan apa hujah Kerajaan Pusat yang kedengaran berura-ura hendak mengurangkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang telah dipilih oleh rakyat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a) adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan memang sedar bahawa rakyat Kelantan juga telah membayar berbagai jenis cukai kepada Kerajaan Pusat. Pada tahun 1989, adalah dianggarkan bahawa \$65 juta bersamaan dengan 0.4% dari jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan yang dikutip di negeri Kelantan. Anggaran tersebut adalah berasaskan jumlah taksiran bersih bagi maksud cukai pendapatan dan pungutan sebenar bagi cukai tidak langsung dan lain-lain cukai langsung.

(b) Ura-ura sebagaimana yang dibangkitkan dalam soalan (b) itu adalah tidak benar kerana peruntukan yang Kerajaan Negeri Kelantan layak peroleh akan terus diberikan seperti biasa.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar kenyataan-kenyataan dalam suratkhbar bahawasanya Kerajaan Kelantan akan dikurangkan dari segi peruntukan pembangunan kerana ianya ditadbir oleh Kerajaan Pembangkang, bukan lagi Barisan Nasional. Saya berpendapat kenyataan-kenyataan itu hanya kenyataan politik, masing-masing hendak sedap capak, tetapi saya rasa memang Kerajaan hendak beri seperti biasa—betul atau tidak? (*Ketawa*)

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan jawapan saya bahawa Kerajaan Kelantan akan menerima peruntukannya seperti yang layak diterima. Di antaranya dalam bentuk pemberian-pemberian seperti apa yang terkandung dalam peruntukan Perlembagaan Malaysia, apa yang diperuntukkan dalam undang-undang yang tertentu dan juga apa yang diperuntukkan melalui Jawatankuasa tertentu termasuk Majlis Kewangan Negara. Dan ada di antara peruntukan untuk pembangunan datangnya daripada sumber-sumber tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Pateh Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sekejap tadi, bahawa Kerajaan Kelantan hanya berhak untuk mendapat peruntukan yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan iaitu constitutional grant, dengan izin.

Persoalan saya, adakah peruntukan-peruntukan lain yang tidak termaktub di dalam Perlembagaan negara akan diberi seperti biasa kepada Kerajaan Negeri Kelantan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana negeri pun terpulung kepada budibicara Kerajaan Persekutuan.

TADIKA—PENUBUHAN

5. **Dato' K. Kumaran** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian beliau akan menubuhkan "Tadika" di setiap buah sekolah apabila melaksanakan Akta Pendidikan 1990 kelak;
- (b) apakah kriteria yang akan digunakan untuk menubuhkan tadika disesuatu kawasan; dan

- (c) kos perbelanjaan untuk menubuhkan tadika di setiap sekolah negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Pada masa sekarang sudah wujud banyak tadika yang dikendalikan oleh pelbagai pihak termasuk pihak swasta. Oleh itu tidak timbul keperluan untuk menubuhkannya di tiap-tiap sekolah;
- (b) kawasan-kawasan tertentu yang dicadangkan itu adalah kawasan-kawasan yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan prasekolah; dan
- (c) kos perbelanjaan menubuhkan tadika bagi sesebuah sekolah adalah bergantung kepada bilangan kelas yang hendak diadakan. Walau bagaimanapun, kos pembinaan sesebuah kelas tadika adalah dianggarkan sebanyak \$40,000.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peranan Kementerian Pendidikan di dalam mengawas atau menyelaraskan perjalanan tadika-tadika yang ditubuhkan oleh pihak-pihak swasta supaya ianya selaras dengan dasar pendidikan.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pendidikan mengambil berat tentang mutu pengajaran di semua tadika iaitu Kementerian Pendidikan selalunya menghantar penyelia-penyelia atau guru-guru yang terlatih untuk mengkaji dan meneliti kurikulum dan mutu pengajaran di semua tadika termasuk tadika yang dijalankan oleh pihak swasta.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebelakangan ini kita melihat tadika yang berbentuk Islam begitu mendapat sambutan seperti TASKI yang banyak dibuat oleh ABIM dan juga PASTI yang dianjurkan oleh PAS. Ini barangkali kerana kita lihat kanak-kanak yang balik daripada tadika Kerajaan menyanyikan lagi "Gelang Si Paku Gelang", tetapi yang balik daripada tadika anjuran Islam ini kebanyakannya menghafal Asma-ul-Husna. Jadi apakah ada pihak Kementerian untuk memberi bantuan kepada tadika-tadika Islam yang mendapat sambutan yang begitu hebat di seluruh negara sekarang ini?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memanglah ada hasrat Kementerian Pendidikan untuk memberi bantuan kepada semua pihak yang ingin membantu Kerajaan dari segi mempertingkatkan mutu pendidikan. Ini termasuk tadika-tadika.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dr V. David.

(Soalan No.6. Y.B. Dr. V. David tidak hadir)

KADAR INFLASI

7. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kadar inflasi di negara sejak 10 tahun lalu;
- (b) adakah kadar itu tinggi atau lebih rendah dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain bagi tempoh tersebut; dan
- (c) apakah strategi yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan kadar inflasi di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sejak 10 tahun lalu kadar purata inflasi di negara kita ini adalah sebanyak 3.6%. Kadar tersebut adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar purata inflasi di negara-negara ASEAN bagi tempoh yang sama;
- (b) kadar purata inflasi di negara-negara jiran kita sejak 10 tahun lalu adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>1980—1990 % Perubahan</i>
Indonesia	9.0
Filipina	14.7
Thailand	5.7
Singapura	2.8

- (c) pihak Kerajaan sentiasa mengawal kedudukan inflasi di negara kita. Langkah-langkah yang telah dan masih diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan tekanan inflasi termasuklah dasar-dasar fiskal dan kewangan yang berhati-hati. Kerajaan juga selalu mengawal harga barang-barang keperluan untuk memastikan bahawa harga-harga tidak meningkat dengan pesat.

Dengan itu tekanan atas harga-harga akan dikurangkan. Tambahan pula, dengan kestabilan nilai ringgit, kadar inflasi di negara kita ini dijangka tidak meningkat dengan sebegitu pesat.

PILIHANRAYA UMUM— LAPORAN KESALAHAN

8. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes yang dilaporkan berhubung dengan

kesalahan pilihanraya umum Oktober 1990 yang lalu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes yang dilaporkan kepada polis berhubung dengan kesalahan pilihanraya umum Oktober 1990 yang lalu ialah sebanyak 329 kes.

Tuan Haji Ibrahim bin Pateh Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi, daripada jumlah 329 kes yang dilaporkan kepada pihak polis, saya ingin mendapat penjelasan, yang pertama, berapa banyak kes telah dibawa ke mahkamah; dan yang keduanya, daripada jumlah 329 laporan polis yang dibuat, parti manakah ataupun penyokong parti manakah yang banyak melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pilihanraya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semua 329 kes ini masih lagi dalam penyiasatan dan penelitian pihak polis, maka belumlah ada perkara-perkara ini yang telahpun diputuskan oleh mahkamah.

Perkara yang kedua, oleh kerana senarai ahli-ahli parti politik atau anggota-anggota parti politik yang membuat aduan itu tidak saya perolehi pada masa ini, saya minta supaya jawapan atas perkara ini akan saya hantar secara bertulis.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat tahu apakah jenis kes ini yang ada dilaporkan kepada polis atau Suruhanjaya Pilihanraya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, dari 329 kes ini, kes mengoyak poster adalah merupakan laporan yang paling banyak, sebanyak 98; merosak, memusnahkan lambang dan papan tanda parti - 72; menghalang - 18; mengkhianati harta benda awam - 15; pertengkaran dan pergaduhan - 63; ugutan jenayah - 25; perhimpunan haram - 19; lain-lain kesalahan - 19.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada 329 laporan kes berkenaan dengan kesalahan pilihanraya ini, adakah termasuk dua laporan yang dibuat oleh saya sendiri pada 21.10.90 iaitu berkenaan laporan di Balai Polis Simpang Empat - Report No.1320 - dan laporan di Balai Polis Alor Setar - Report No. 7945 - berkenaan dengan pemalsuan Letterhead Parlimen yang kononnya ditandatangani oleh saya sendiri berkenaan dengan calon-calon di dalam kawasan Parlimen Kuala Kedah. Jika ini termasuk, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tindakan pihak polis setakat ini sebab saya telahpun berhubung dengan pihak polis beberapa kali dan belum ada apa-apa laporan sama ada tindakan telah diambil ataupun tidak oleh kerana kedua-dua kes ini dikendalikan oleh pihak Bukit Aman sendiri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana senarai yang saya baca tadi tidak termasuk pemalsuan tanda-tangan, maka kes Yang Berhormat itu tidaklah termasuk dalam senarai yang saya nyatakan tadi. Walau bagaimanapun saya telah mencatat "Report No. Simpang Empat, Alor Setar" dan akan saya teliti perkara ini.

RUMAH BAGI ANGGOTA TENTERA

9. **Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah anggota tentera yang tinggal di rumah-rumah Kerajaan dan berapa ramaikah lagi yang terpaksa tinggal di luar;
- (b) bilakah Kerajaan akan selesai membina rumah tentera dengan secukupnya; dan
- (c) adakah Kerajaan membayar elaun sewa rumah yang berpatutan kepada anggota tentera yang tidak dapat tinggal di rumah Kerajaan.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan anggota yang tinggal di rumah-rumah Kerajaan ialah seramai 39,527 keluarga. Bilangan yang tinggal di luar dengan menggunakan elaun sewa rumah ialah seramai 31,738 keluarga.
- (b) Mengikut perancangan, Kerajaan dijangka akan dapat menyediakan rumah dengan secukupnya bagi anggota tentera dalam tempoh 10 tahun yang melibatkan Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh. Sebagai dasar sasaran, Kerajaan akan menyediakan kediaman untuk 60% daripada jumlah bilangan anggota berpangkat Korporal ke bawah dan 90% untuk pangkat Sarjan ke atas.
- (c) Bagi anggota-anggota tentera yang tidak menduduki rumah-rumah Kerajaan atau rumah-rumah yang disewakan oleh Kerajaan, mereka dibayar elaun bantuan sewa rumah tiap-tiap

bulan. Kementerian Pertahanan telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji semula kadar-kadar berkenaan yang sedang berkuatkuasa sekarang untuk menentukan sama ada kadar-kadar tersebut memenuhi kehendak semasa.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah bentuk jenis rumah yang disediakan kepada angkatan tentera ini dari segi saiznya, besarnya. Sebab kita tahu adanya di kalangan angkatan tentera anaknya sedikit dan ada pula ramai. Jadi saiz bentuk rumah itu apakah selesai. Pernahkah Kementerian menerima komplek daripada angkatan tentera mengenai dengan keselesaan rumah-rumah yang disediakan.

Soalan yang kedua, bagaimanakah rancangan projek perumahan pen-swastan yang telah dianjurkan oleh Kementerian sebelum ini kerana Kementerian Pertahanan difahamkan mempunyai banyak tanah-tanah dan telah dikenal pasti untuk projek perumahan. Dan kenapakah terpaksa menunggu 10 tahun untuk diselesaikan perumahan ini bagi memastikan angkatan tentera kita mempunyai rumah-rumah yang selesai?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada menetapkan saiz dan "technical specification" bagi keperluan perumahan untuk pihak angkatan tentera dan setakat yang saya difahamkan keperluan berdasarkan kepada specification itu adalah munasabah bagi keperluan angkatan tentera.

Kedua, dari segi program perumahan ini soal perlaksanaannya melibatkan peruntukan yang besar. Jadi berdasarkan kepada keupayaan kewangan Kerajaan adalah dijangkakan

kita memerlukan tempoh masa 10 tahun untuk menyelesaikan keperluan perumahan untuk angkatan tentera.

Dalam pada itu, saya sedang meneliti perkara ini kalau ada cara memendekkan tempoh itu insya Allah Kerajaan akan bertindak untuk menyelesaikan seberapa segera yang boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan bilangan anggota-anggota tentera yang tinggal di kawasan-kawasan setinggian, kalau tidak boleh untuk seluruh negara, untuk Wilayah Persekutuan? Adakah benar iaitu pihak polis pun menumpu perhatian kepada projek-projek perumahan yang disebutkan tadi untuk jangka panjang 10 tahun ini iaitu pihak polis pun menumpukan perhatian kepada projek tersebut. Kalau ini benar, bagaimanakah masalah ini dapat diselesaikan untuk pihak polis dan untuk pihak tentera?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat nafikan ada jumlah anggota tentera yang tinggal di rumah setinggian dan sebab itulah perkara ini sedang diberi perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan dan kalau sekiranya program kita dapat disegerakan maka masalah ini saya yakin dapat diatasi.

Dari segi tindakan yang dilakukan memanglah pendekatan kita ialah untuk mengatasi dengan seberapa segera yang boleh untuk menyelesaikan masalah ini.

NILAI MATAWANG RINGGIT

10. **Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) di bawah keadaan pasaran semasa, paras genting nilai

matawang ringgit boleh dibiar terus menurun terhadap:

- (i) dolar Singapura;
- (ii) dolar Amerika;
- (iii) yen Jepun;
- (iv) paun sterling Britain; dan
- (v) deutschemark Jerman;

- (b) sebanyak manakah tanggungan hutang luar negeri kita yang diterima daripada setiap negara tersebut di atas telah bertambah baru-baru ini dalam nilai ringgit berbanding dengan nilai semasa pinjaman dibuat dan nilai lima tahun serta dua tahun dahulu, akibat kenaikan matawang-matawang ini; dan
- (c) apakah jumlah perolehan untung yang diterima oleh Kerajaan daripada penjualan paun sterling dalam isu di mana Bank Negara didakwa berspekulasi di pasaran wang. Apakah nilai paun sterling yang dijual. Sebanyak manakah nilai simpanan Bank Negara (forex reserves) telah bertambah akibat penjualan tersebut. Bagaimanakah tindakan ini boleh melindungi nilai ringgit sama ada di dalam atau di luar negeri.

13-12-90

13. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) tempoh masa perbelanjaan \$8 bilion yang didakwa dibuat untuk menyokong nilai ringgit pada paras \$1.10 berbanding dengan dolar Singapura telah menjangkau. Bilakah perbelanjaan ini bermula dan bilakah kerajaan memulakan dasar barunya, mengapungkan ringgit di pasaran wang; dan

- (b) semenjak dasar baru dilaksanakan dan menjelang bulan September 1990, apakah jumlah perbelanjaan yang telah dibuat untuk mengukuhkan kedudukan ringgit di pasaran. Dalam tempoh masa yang manakah keperluan untuk memasuki pasaran adalah paling mendesak. Apakah jumlah wang yang telah dibelanjakan pada masa-masa tersebut; dan
- (c) menurut satu laporan pada awal September, 1990, di antara bulan Januari hingga April, Kerajaan telah memperdagangkan di antara \$30 hingga \$40 juta dengan setiap satu daripada lapan broker yang ia berurusan dengan setiap kali Bank Negara memasuki pasaran wang. Berapa kalikah dalam tempoh masa ini Kerajaan telah memasuki pasaran dan apakah jumlah besar urusan yang diperdagangkan setiap kali.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, (a) di dalam persidangan Dewan Rakyat ini, saya telah menerima dua soalan mengenai campurtangan, dengan izin, "intervention" Kerajaan dalam pasaran pertukaran wang asing. Kedua-dua soalan dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Walaupun soalan-soalan berlainan sedikit, pada keseluruhannya adalah sama dalam erti kata meminta penerangan dan penjelasan mengenai campurtangan Kerajaan dalam pasaran matawang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menjawab kedua-dua soalan ini sekali gus.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bank Negara mula menyokong nilai ringgit berbanding dengan dolar Singapura pada awal bulan Mac, 1981 dan berakhir pada bulan Oktober, 1984. Selepas bulan Oktober, 1984, Bank Negara tidak lagi menyokong ringgit kepada paras yang ditentukan.
- (b) Akibat penilaian semula matawang berikutan daripada kekukuhan matawang utama jumlah hutang yang belum dijelaskan dalam tempoh tahun 1986 hingga 1988 bertambah sebanyak \$13.6 ribu juta.
- (c) Kerajaan tidak lagi menyokong nilai ringgit sebab langkah tersebut memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Tambahan pula usaha jajaran utama, dengan izin "currency realignments" telahpun dilaksanakan berikutan Plaza Accord pada tahun 1985 dan nilai yen telahpun meningkat dengan nyata. Dengan itu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak campur tangan dalam pasaran matawang asing. Operasi Bank Negara ialah cuma untuk menyokong nilai ringgit daripada turun naik yang keterlaluan. Namun begitu bukanlah dasar Kerajaan untuk menjelaskan butir-butir operasi tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bank-bank seperti bank-bank amanah Jepun, bank-bank perdagangan Amerika Syarikat telah melabur pada tempoh hari lebih US\$1 juta ke dalam pasaran wang tempatan untuk membolehkan nilai matawang ringgit mengukuh pada tahap M\$2.67 kepada dollar Amerika. Adakah ini benar dan adakah Kementeriannya bimbang mengenai pelaburan seperti ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar adakah keadaan ini berlaku. Tetapi Yang Berhormat Ahli dari Kepong telah mengemukakan ini dan saya akan siasat.

KEGIATAN JENAYAH OLEH PENDATANG HARAM DI SABAH

11. Tuan George Sangkin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kegiatan jenayah telah menjadi sumber rezeki pendatang haram di Sabah dan keadaan penjara di Sabah adalah penuh sesak untuk menampung orang asing yang didapati bersalah yang terlalu ramai. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat dalam hal ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang kemasukan pendatang-pendatang haram di negeri Sabah yang telah menyebabkan timbulnya masalah-masalah sosial dan juga penglibatan mereka di dalam kegiatan-kegiatan jenayah. Akibat daripada tindakan-tindakan mengesan dan menangkap pendatang-pendatang haram itu telah menyebabkan penjarapenjara di negeri Sabah mengalami kesesakan. Walau bagaimanapun kegiatan jenayah oleh pendatang haram ini adalah terkawal dan makin berkurangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Kerajaan Persekutuan telahpun menubuhkan pasukan petugas yang bertujuan untuk mengenal pasti jumlah pendatang haram dan telah memberikan tumpuan kepada gerakan membanci dan mendaftar ke atas semua pendatang haram daripada Filipina dan Indonesia.

Gerakan tersebut telah selesai di Wilayah Persekutuan Labuan dan 13 di lain-lain daerah daripada 23 daerah

kesemuanya. Selain dari itu, Polis Diraja Malaysia telah mempergiatkan lagi langkah-langkah bagi mencegah kegiatan-kegiatan jenayah termasuklah mengambil beberapa langkah dan di antaranya:

- (a) memeriksa kenderaan awam dan perseorangan bagi menyekat kemasukan pendatang haram ke Sabah;
- (b) memeriksa dan mengenalpasti pekerja asing di Sabah;
- (c) mencegah penyeludupan di Sempadan dan Kepulauan Lahad Datu, Semporna dan Tawau;
- (d) menjalankan operasi tiga kali seminggu di daerah-daerah yang terpilih bagi tujuan mengesan pendatang-pendatang haram dan menghalang pendatang-pendatang haram melakukan kegiatan jenayah; dan
- (e) memberi perlindungan kepada kapal-kapal dan perahu-perahu di laut dan di sungai dari ancaman pendatang-pendatang haram ataupun lanun.

Jabatan Imigresen juga dari masa ke semasa mengadakan gerakan operasi menangkap dan seterusnya mengusir pendatang-pendatang haram dari Sabah.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu masa dahulu saya ada terbaca dalam akhbar tempatan di Sabah, *The Daily Express* mengenai kenyataan yang dibuat oleh Pesuruhjaya Polis Sabah yang menyatakan tentang cadangan Kerajaan untuk mengadakan suatu kem penempatan bagi pendatang-pendatang haram di Sabah seperti Pulau Bidong di Semenanjung Malaysia. Soalan saya ialah apakah kesungguhan Kerajaan untuk membawa

cadangan tersebut kepada realiti iaitu cadangan apa yang dikatakan oleh pihak Polis Sabah untuk mengadakan kem penempatan bagi pendatang haram di negeri Sabah? Sekian, terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu adalah sangat baik, tetapi kalau kita bandingkan dengan pelarian haram daripada Vietnam, bilangan yang datang ke Sabah adalah sungguh ramai. Kalau kita lihat penangkapan dan pengusiran yang telah dilakukan oleh pihak Polis dan Imigresen pada tahun 1988 misalannya di Sabah, yang ditangkap 66,815, yang diusir keluar 65,802. Kalau kita bandingkan keadaan kedatangan pendatang haram dari Vietnam ke Pulau Bidong, tidak seramai yang demikian. Pada tahun 1989 seramai 14,155 diusir dan yang ditangkap ialah 14,603. Jadi, bilangan yang sedemikian tentulah memerlukan satu kawasan yang cukup besar dan memerlukan logistik dan kakitangan yang cukup lengkap.

Dengan sebab itu, cadangan tersebut sungguhpun baik, tetapi tidak praktik. Dengan sebab itulah badan petugas pada hari ini hanya menjalankan bancian dan menentukan mereka ini kalau perlu diusir keluar kita usir keluar.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu kes spesifik jenayah seperti pembunuhan Ustaz daripada Semenanjung Malaysia berlaku di kawasan Kimanis oleh pendatang haram pada 18hb Oktober 1990. Saya ingin tahu berapakah kes-kes kegiatan jenayah yang telah berlaku di negeri Sabah atas kegiatan pendatang haram setakat ini?

Kedua, adakah Kementerian ber-cadang untuk menghantar lebih banyak lagi pasukan-pasukan keselamatan ke negeri Sabah untuk mengawal kegiatan-kegiatan pendatang haram ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes jenayah yang melibatkan pendatang haram walau daripada Indonesia ataupun Filipina di Sabah adalah seperti berikut; 1988 jumlahnya 2081; tahun 1989 - 761; tahun 1990 (termasuklah kes yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi) ialah 728 dan kalau sekiranya didapati perlu demi untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam di Sabah, pihak Kerajaan Pusat akan menambah keperluan-keperluan anggota bagi negeri Sabah.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JIT SIN— PERUNTUKAN

12. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan bercadang memberi peruntukan secara 'seringgit bagi seringgit' kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Jit Sin, Bukit Mertajam dalam membangunkan sekolah itu di tapak baru dekat Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam. Jika ya, bilakah peruntukan ini akan dibuat; dan
- (b) jika tidak, bukannya ini satu kemungkiran—janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya bagi membantu membina Sekolah-sekolah Kerajaan Rendah dan Menengah dan Kerajaan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membangunkan sekolah-sekolah swasta atau mempertanggungjawabkan sepenuhnya dalam pembinaan sekolah-sekolah bantuan modal.

Sekolah yang statusnya bantuan modal jelas kepada masyarakat, jelas dalam peruntukan Akta Pendidikan, bukanlah merupakan tanggungjawab penuh Kerajaan, tetapi Kerajaan telah memberi keputusan untuk membantu setakat yang mampu dan inilah sebabnya mengapa peruntukan bantuan modal itu tertakluk kepada keupayaan pada ketika-ketika tertentu. Selama ini pun sekolah-sekolah bantuan modal memang mendapat pertimbangan dan bantuan Kerajaan.

Merujuk kepada Sekolah Menengah Jit Sin, statusnya adalah bantuan modal dan, oleh yang demikian Kerajaan hanya memberikan pengakuan bantuan setakat yang difikirkan wajar dan soal memungkiri janji bantuan 'seringgit bagi seringgit' tidak pernah timbul kerana Kerajaan telah tidak berjanji, tidak sepertimana janji palsu DAP. (*Tepuk*)

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bukankah benar bahawa antara pihak Kerajaan dengan pihak sekolah ada satu janji bahawa sekolah persendirian apabila menjadi Sekolah Kebangsaan, Kerajaan akan memberi bantuan 'seringgit bagi seringgit' dan kalau ada janji ini, mengapa sekarang tidak mahu mengikut janji itu?

Yang kedua, sehingga hari ini berapa peruntukan yang dijanji oleh Yang Berhormat Menteri bahawa akan memberi peruntukan \$2 juta. Berapakah telah diberi kepada Sekolah Menengah Jit Sin ini?

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, adakah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah cukup Yang Berhormat...

Tuan Chian Heng Kai: Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah dua soalan itu.

Tuan Chian Heng Kai: Satu lagi, minta satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah cukup. Sila duduk Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Chian Heng Kai: Adakah benar bahawa kunci-kunci MCA...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk Yang Berhormat, duduk! (*Disampuk*) Sila duduk.

Tuan Chian Heng Kai: Oleh kerana ini satu perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk!

Tuan Chian Heng Kai: Satu lagi, saya minta satu lagi. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Keputusan saya adalah muktamad mengikut Peraturan 43.

Tuan Chian Heng Kai: Satu lagi kerana ini melibatkan MCA. Adakah Tuan Yang di-Pertua takut? (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk! Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang Yang Berhormat itu kena masuk sekolah ikut peraturan. Tidak faham langsung.

Soalan tambahan ini ada dua. Yang pertama tentang janji yang Kerajaan buat, seperti kalau Yang Berhormat mewakili kawasan Bukit Mertajam, dia memang mewakili kawasan Bukit Mertajam. Tetapi sekiranya Yang Berhormat memahami keadaan, dia

akan faham bahawa Sekolah Menengah Swasta Independent Jit Sin itu masih kekal sampai sekarang. Soal conversion Jit Sin menjadi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan sepenuhnya itu tidak berlaku. Itu hanya igauan dan mimpinya. (*Tepuk*) Yang berlaku sekarang ialah kekalnya Sekolah Menengah Jit Sin independent dan wujudnya satu Sekolah Menengah Jit Sin bantuan Kerajaan iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin yang satu lagi. Dengan sebab itulah soal janji dalam bentuk conversion yang disebutkan itu tidak timbul.

Sekolah-sekolah yang dirobah kedudukannya pada tahun 1961—saya hendak beri latarbelakang sejarah supaya Yang Berhormat faham sedikit—sekolah yang masuk kategori itu memang dibantu sepenuhnya kerana sekolah itu diserahkan untuk dikendalikan sepenuhnya oleh Kerajaan. Kes ini tidak berlaku dalam konteks Sekolah Menengah Jit Sin. Walau bagaimanapun oleh kerana pertimbangan pelajar-pelajar itu harus diutamakan, bukan sahaja sandiwara politik yang dibuat oleh Pembangkang yang tidak kerja apa-apa pun, tidak membantu langsung pengurusan pihak Lembaga sekolah itu. (*Disampuk*)

Tuan Chian Heng Kai: (*Disampuk*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya, menang-kalah soal lainlah. Menang sedikit bolehlah. Bukan soal menang-kalah. Saya menjelaskan Yang Berhormat.....

Tuan Chian Heng Kai: (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, jangan mencelah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya tidak bangkit soal menang—kalah, saya bangkitkan fakta betul-salah. Yang saya terangkan di Dewan yang mulia ini, fakta itu salah. Ahli

Yang Berhormat bawa satu fakta salah, maka saya sebagai Menteri Pendidikan harus mendidik supaya fakta sebenar diketahui. Itu sahaja. (*Tepuk*) Janji kepada Jit Sin memang kita tunaikan. Kita telah menjanjikan bantuan sebanyak \$2 juta diberi mengikut kemajuan atau progress payment pembangunan sekolah itu dan peruntukan awal \$250,000 telahpun dikeluarkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat begitu ghairah untuk menyalahkan pihak Pembangkang. Bilakah kesemua \$2 juta akan dibayar untuk membangunkan sekolah tersebut? Adakah ini satu janji yang dibuat untuk selamalamanya beberapa tahun sudah dan sekarang begitu lambat untuk menunaikan. Itu bukannya satu kemungkiran janji?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan bahawa Yang Berhormat dari Kepong buat lawatan sambil belajar ke kawasan Bukit Mertajam, kerana sebenarnya saya telah beri pengakuan bantuan itu diberi mengikut kemajuan pembangunan projek tersebut dan pengakuan ini akan kita tunaikan. Ini masih pada tahap awal, sebab itulah peruntukan suku pertama diberikan kepada pihak Lembaga Sekolah. Saya tidak menghadapi apa-apa masalah atau bantahan dari pihak Lembaga Sekolah kerana Lembaga Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin memang menghubungi kita secara langsung sekiranya mereka ada apa-apa masalah, mereka tak perlulah menghubungi wakil dari DAP. (*Disampuk*)

PENDATANG TANPA IZIN DI SABAH—PENYELESAIAN

13. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

tentang kemajuan yang telah dicapai oleh Pasukan Petugas Khas (Special Task Force) dalam usaha menyelesaikan masalah kehadiran pendatang tanpa izin di negeri Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, inginlah saya menjawab soalan yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat ini yang mana jawapannya hampir-hampir sama dengan jawapan yang telah saya beri kepada angka No.11 tadi. Bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada peringkat ini tumpuan diberi kepada gerakan banci dan pendaftaran ke atas semua pendatang dari negara asing. Sehingga kini gerakan ini telah selesai dijalankan di Wilayah Persekutuan Labuan dan di 13 daerah di negeri Sabah (daripada 23 daerah kesemuanya). Pencapaian dalam gerakan banci dan pendaftaran adalah memuaskan. Seramai 37,917 pendatang luar negeri telah didaftarkan sejak gerakan ini dilancarkan dalam bulan April 1990 di Wilayah Persekutuan Labuan. Sekarang ini gerakan banci dan pendaftaran sedang berjalan secara serentak di tiga daerah iaitu Keningau, Penampang dan Kota Kinabalu. Oleh itu, adalah dijangka bahawa gerakan banci dan pendaftaran bagi 16 daerah di pantai barat Sabah akan selesai pada akhir tahun 1990.

Di samping itu, usaha-usaha pencegahan dan pengusiran telah dipertingkatkan. Semenjak bulan Januari hingga Oktober 1990, gerakan-gerakan pencegahan, penahanan dan pengusiran yang melibatkan Pasukan Polis, Angkatan Tentera dan Jabatan Imigresen telah diadakan di seluruh negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Hasil daripada gerakan-gerakan ini, sejumlah 5,679 pendatang luar negeri telah dihantar balik ke negara asal mereka. Tindakan-tindakan ini akan berterusan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ini ada Pasukan Petugas Khas, tadi pun dijawab soalan yang serupa bahawa macam-macam usaha telah dibuat, ronda dan sebagainya, Angkatan Tentera kita pun kuat, Pasukan Polis pun kuat. Walaupun jumlah pendatang yang datang itu ramai, tetapi macam mana boleh masuk juga, boleh tembus juga ini. Saya tidak faham betullah, sebab saya fikir-fikir tak logik, sebab Pasukan Tentera kuat, Polis kuat, Pasukan Petugas Khas kuat, ramai juga yang datang, macam mana ini? Saya tak boleh fikir, jadi hendak tahu betul-betul jawapan macam mana boleh jadi tembus ini? Adakah hendak fikir cara jampi bomohkah, saya hendak tahu kerana saya serius ini, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*), sebab manalah tahu dengan jampi bomoh dihembus-hembus, pendatang itu pusing pergi ke Australia, mana tahu? Itu soalan saya, terima kasih. (*Disampuk*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mereka ini sudah habiskah, sebab saya dengar bising sedikit, hendak bercakap pun tak sedap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila jawab, Timbalan Menteri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Beginilah, Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yang Berhormat yang duduk di Pasir Mas, Kelantan ini mengajar saya kerana maklum sahaja macam mana orang Kelantan boleh lepas masuk ke Siam, orang Siam boleh lepas masuk ke Kelantan ini. (*Ketawa*) Sepatutnya Yang Berhormat kena ajar saya, beritahu saya, begitulah keadaannya kerana pantai terlalu besar, exit masuk itu ada yang rasmi, ada yang tak rasmi bagi mereka. Jadi keadaan-keadaan yang seperti inilah yang menyebabkan adalah sukar untuk kita hendak meletakkan satu depa seorang tentera kita di sempadan,

adalah sukar sekali. Saya pun bersama dengan Yang Berhormat dahulu, saya ingat saya hendak masuk ikut pintu keluar-masuk, dia kata tak payah, naik sampan kita ikut kedai sudah, tak payah passport apa-apa. (*Ketawa*) Jadi, begitulah keadaannya. Jadi, inilah yang menyebabkan adalah sukar sekali untuk kita.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan mencelah, sila duduk.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Itulah menyebabkan cukup sukar sekali untuk kita menentukan jalan mana yang mereka masuk. Itulah sebab kita mengadakan serbuan-serbuan di tempat-tempat yang tertentu agar kita dapat melihat dokumen-dokumen yang ada pada mereka dan kalau tanpa dokumen, terpaksa kita mengusir mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 14 hingga 21 adalah di beri di bawah ini*)

JURURAWAT BERKHIDMAT DI LUAR NEGERI

6. Dr V. David minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) bolehkah beliau memberitahu Dewan ini atas bilangan jururawat yang telah meninggalkan negara ini untuk berkhidmat di luar negeri kerana mereka tidak diberi pengiktirafan yang sesuai dan seimbang dengan kelayakan mereka; dan

(b) memandangkan kekurangan jururawat di negara kita, adakah Kerajaan berhasrat menjemput jururawat Malaysia yang berkhidmat di luar negeri pulang ke tanah airnya dan menjaminkan kerjaya yang cerah berasaskan kepada kelayakan, kebolehan dan pengalaman mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

- (a) Saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian tidak menyimpan rekod bilangan jururawat-jururawat yang berkhidmat di luar negeri. Ini adalah disebabkan mereka tidak perlu mendapat kebenaran ataupun memberitahu Kementerian bila mereka hendak berkhidmat di luar negeri.
- (b) Kementerian sedia mengambil balik jururawat-jururawat yang telah bersara sama ada mereka berada di luar negeri atau dalam negeri. Pengambilan jururawat-jururawat ini ialah secara kontrak dan buat masa ini Kementerian sedang mengkaji soal-soal berkaitan dengan gaji, insentif dan lain-lain.

**JAWATANKUASA FATWA
KEBANGSAAN**

14. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Majlis Fatwa Kebangsaan sudah atau berhajat untuk membincangkan Fatwa Rabitah Alam Islami yang membolehkan tentera Amerika dijemput mempertahankan Arab Saudi dalam krisis Teluk sekarang; dan

(b) jika Bahagian Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri bersetuju dengan fatwa itu, apakah Amerika dapat diterima sebagai kafir yang tidak memusuhi Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tidak berhajat untuk membincangkan Fatwa Rabitah Alam Islami itu.

INDUSTRI SEMICONDUCTOR

15. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berkaitan dengan satu laporan Bank Dunia tahun ini bahawa perindustrian "semiconductor" di Malaysia terancam kerana mempunyai masalah kekurangan buruh terlatih dan bermutu tinggi serta kekurangan infrastruktur seperti bekalan elektrik, sistem pengangkutan yang tidak memadai, apakah usaha yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Perindustrian (Dato' Seri Rafidah Aziz): Industri "semiconductor" di Malaysia pada masa sekarang tidak mengalami masalah kekurangan tenaga buruh terlatih dan bermutu tinggi yang dapat mengancam pertumbuhan industri ini seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu faktor utama yang telah menarik pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia termasuk pelabur di dalam industri "semiconductor" yang sebahagian besarnya telah berada di Malaysia hampir 20 tahun adalah kerana Malaysia mempunyai tenaga buruh yang berpotensi dan produktif serta mudah dilatih.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi keperluan tenaga buruh mahir dan akan terus mengambil langkah-langkah perlu untuk menambah bekalan tenaga buruh mahir bagi menampung keperluan industri negara yang sedang berkembang dengan pesatnya. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah:

1. Menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang bertanggungjawab mengkaji, merancang dan melaksanakan program-program tertentu bagi memenuhi keperluan gunatenaga terlatih yang diperlukan oleh sektor perindustrian termasuk industri elektronik.
2. Menggalakkan sektor swasta khususnya sektor perkilangan untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka dengan memberikan galakan potongan cukai dua kali.
3. Menambahkan bilangan politeknik yang mengeluarkan juruteknik di peringkat sijil dan diploma di bawah Rancangan Malaysia Keenam.
4. Menambahkan bilangan program latihan dan pengambilan pelatih-pelatih di dalam bidang elektronik di Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran MARA dan Pusat-Pusat Latihan Belia.
5. Kerajaan juga telah meluluskan pada asasnya penubuhan Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang bertujuan untuk menggalakkan aktiviti latihan yang berlandaskan perkembangan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada industri "semiconductor" adalah terletak di Kawasan

Perdagangan Bebas (FTZ) yang disediakan dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan amat memuaskan. Pada masa sekarang, melalui maklumbalas yang diterima daripada syarikat-syarikat "semiconductor" yang sedang beroperasi, mereka tidak mempunyai masalah bekalan tenaga elektrik, air dan juga pengangkutan.

Kementerian ini telah difahamkan Tenaga Nasional Berhad sentiasa mengawasi dan mengambil langkah-langkah perlu bagi menjamin bekalan tenaga elektrik yang memuaskan untuk keperluan industri. Begitu juga dengan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) yang telah mengambil langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan keupayaan pengangkutan kargo yang merupakan pengangkutan utama bagi keluaran "semiconductor".

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat secara keseluruhannya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa mengawasi dan peka terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak industri. Kementerian juga mengadakan dialog-dialog dari masa ke masa dengan pihak industri dan lain-lain agensi Kerajaan yang terlibat untuk mendapatkan maklumbalas masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak industri dan mengambil langkah perlu untuk mengatasinya.

KURSUS BAHASA KESUKUAN SABAH DAN SARAWAK

16. Tuan Taimin Lumaing minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang melatih guru-guru untuk mengajar Bahasa Kesukuan Bumiputra di Sabah dan Sarawak. Kalau ada, bilakah ianya akan bermula. Dan kalau tidak mengapa.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengadakan kursus-kursus bahasa kesukuan Sabah dan Sarawak untuk guru-guru di Maktab-maktab Perguruan. Kementerian Pendidikan lebih memberikan tumpuan kepada memperingkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar rasmi di sekolah-sekolah di Malaysia serta penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa antarabangsa.

PERUNTUKAN KEPADA AHLI-AHLI PARLIMEN

17. Dr Kua Kia Soong minta Perdana Menteri menyatakan sekiranya Kerajaan menegakkan keadilan dan demokrasi, maka bilakah peruntukan untuk projek-projek kecil akan diberi kepada rakyat Malaysia di kawasan-kawasan yang dipegang oleh pembangkang mengikut cara dengan mana peruntukan-peruntukan diberi kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Sejak kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan sentiasa mengamalkan pemerintahan berdemokrasi demi untuk menegakkan keadilan kepada semua rakyat Malaysia. Justeru itu Kerajaan setiap tahun menyediakan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek kecil yang diperlukan oleh rakyat sama ada mereka ini tinggal di kawasan yang diwakili oleh Barisan Nasional atau kawasan Pembangkang. Dengan lain perkataan Kerajaan menyediakan peruntukan untuk projek-projek kecil bagi semua kawasan Parlimen.

Cara penggunaan Peruntukan ini bagi semua Kawasan Parlimen juga sama iaitu Ahli-ahli Parlimen

dikehendaki mencadangkan projek-projek yang hendak dilaksanakan kepada Pegawai Kemajuan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Projek-projek yang diluluskan berdasarkan kriteria tertentu akan dilaksanakan oleh agensi-agensinya yang berkenaan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

BANTUAN KEPADA ORANG-ORANG TUA

18. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah Kerajaan sedia memberi pertimbangan yang serius, bagi menolong orang-orang tua dan golongan keluarga yang kurang berada dan yang tidak mempunyai sumber pendapatan tersendiri. Sepatutnya skim bantuan kewangan diwujudkan bagi membuat pembayaran elaun bulanan kepada mereka yang memerlukan bantuan untuk hidup seperti orang lain yang mempunyai pencen atau lain-lain punca pendapatan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Kerajaan telah pun menyediakan beberapa skim bantuan untuk membantu orang-orang tua dan golongan keluarga yang kurang bernasib baik bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan mereka. Skim-skim bantuan tersebut adalah:

(i) *Skim Bantuan Orang Tua*

Skim ini adalah bertujuan untuk membantu orang-orang tua yang daif dan miskin bagi membolehkan mereka hidup dengan sempurna dalam kampung atau tempat yang mereka telah biasa hidup. Bantuan ini adalah untuk orang-orang tua yang berumur 60 tahun ke atas yang tidak mempunyai saudara-mara atau mempunyai saudara mara tidak mampu menyara mereka.

Kelulusan bantuan ini adalah juga disyaratkan supaya ada seorang penjaga seperti jiran untuk memberi perhatian mengenai makan-minum, kesihatan dan perjalanan harian mereka. Bantuan yang diberi adalah sebanyak \$50.00 sebulan bagi tiap-tiap seorang tua.

(ii) *Bantuan Kanak-Kanak*

Bantuan ini adalah diberi kepada kanak-kanak miskin yang kurang bernasib baik termasuklah:

- (a) kanak-kanak yang terpaksa ditinggalkan oleh ibubapa yang menerima rawatan perubatan;
- (b) kanak-kanak yang mempunyai ibubapa/penjaga yang tidak berkemampuan/putus mata pencarian sementara; dan
- (c) kanak-kanak yatim/yatim piatu.

Bantuan ini adalah diberi kepada keluarga seperti yang tersebut di atas yang mempunyai pendapatan tidak lebih daripada \$190.00 sebulan. Bantuan yang diberi adalah di antara \$25 hingga \$115 sebulan untuk sesebuah keluarga.

(iii) *Bantuan Am*

Bantuan Am ini adalah untuk membantu keluarga yang kurang bernasib baik yang mempunyai pendapatan kurang daripada \$190 sebulan supaya dapat mengurang atau meringankan masalah kewangan mereka buat sementara sehingga mereka dapat berdikari. Bantuan yang diluluskan adalah di antara \$25 hingga \$115 sebulan.

Semua kes-kes yang menerima bantuan di atas adalah dikaji semula tiap-tiap enam bulan untuk mengkaji sejauh mana bantuan tersebut dapat membantu mereka dalam kehidupan mereka. Kaji semula juga adalah dibuat bagi menentukan sama ada bantuan tersebut perlu disambungkan lagi atau ditamatkan dengan adanya keupayaan mereka untuk berdikari.

**DRAF RANG UNDANG-UNDANG
PENDIDIKAN**

19. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Pendidikan menyatakan kenapa beliau tidak mengumumkan kepada orang ramai perangkaan Akta Pendidikan 1969 (Pindaan) dan melakukan langkah untuk memansuhkan Seksyen 21 (2) Akta Pendidikan 1969.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya anggap akta yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Akta Pendidikan Baru oleh kerana tidak ada Akta Pendidikan 1969 (Pindaan). Saya juga anggap perkataan "perangkaan" dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu bermaksud "draf"; dan Seksyen 21(2) Akta Pendidikan 1969 ialah Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961.

Sehubungan dengan itu ingin saya maklumkan bahawa perkara-perkara utama yang diliputi dalam draf Rang Undang-undang Pendidikan yang baru itu telah banyak kali diumumkan kepada orang ramai melalui media massa dan majlis-majlis perjumpaan. Orang ramai pula telah dialu-alukan untuk memberi pandangan dan cadangan atas perkara-perkara yang diumumkan itu.

Cadangan perubahan menyeluruh Pindaan 21(2) walaupun dipersetujui harus dilihat secara menyeluruh dalam konteks dasar pendidikan kebangsaan yang bertujuan mengukuhkan pelaksanaan bahasa Melayu.

TERNAKAN KERANG— MENYELAMATKAN

20. **Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menyelamatkan ternakan kerana di Kuala Juru, Seberang Perai yang kini sedang menghadapi ancaman dari buangan sisa-sisa najis dan projek tebusguna tanah (land reclamation) yang sedang dijalankan di persisiran pantai Seberang Perai, yang juga telah mengancam mata pencarian penternak-penternak kerang di kawasan itu.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut kajian yang dibuat bersama oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Institut Penyelidikan Perikanan, Pulau Pinang, didapati pencemaran di kawasan berkenaan adalah tidak pada tahap yang membahayakan. Di samping itu, bagi pencemaran dari buangan sisa-sisa najis, ianya diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Pada masa ini aktiviti menternak kerang masih lagi berjalan seperti biasa. Ini menunjukkan, pencemaran yang berlaku, tidak mengganggu dan menjejaskan perusahaan tersebut.

Berhubung dengan projek tebusguna tanah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri, untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini masih lagi di peringkat perbincangan. Kerajaan Negeri memberi jaminan, jika perkara ini dilaksanakan, pampasan yang sewajarnya akan diberikan kepada mereka yang terlibat.

DIPLOMAT/PEKERJA MALAYSIA DI KUWAIT/ BAGHDAD

21. **Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kementerian bagi membawa balik para diplomat dan para pekerja Malaysia di Kuwait dan Baghdad setelah krisis Teluk bermula;
- (b) berapakah kos pengendalian membawa balik para diplomat ke negara; dan
- (c) apakah sikap Malaysia terhadap krisis Teluk dan bagaimana tindakan Malaysia dalam turut serta menyelesaikan krisis tersebut.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):

- (a) Ekoran dari pencerobohan Iraq ke atas Kuwait pada 2hb Ogos, 1990, Kerajaan telah memindahkan kesemua rakyat Malaysia yang berada di Kuwait, iaitu kakitangan kedutaan dan keluarga, pelajar-pelajar, pekerja-pekerja Malaysia termasuk penumpang-penumpang penerbangan British Airways BA 149 yang terkandas di Kuwait, melainkan mereka yang memutuskan terus tinggal di situ. Seperti Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum, mereka yang dipindah telah selamat sampai ke tanahair. Untuk makluman Dewan yang mulia, Malaysia merupakan negara pertama yang berjaya memindahkan kesemua rakyatnya keluar dari Kuwait dan Iraq yang berjumlah 159 orang secara teratur dan ini telah mendapat kepujian dari Kerajaan Jordan dan lain-lain negara.

- (b) Kos pengendalian membawa balik rakyat Malaysia, termasuk para diplomat kita, ialah sebanyak \$661,843.55. Pececahannya adalah seperti di bawah:

(a) Kos menyewa sebuah pesawat dari Amman ke Kuala Lumpur	\$451,191.62
(b) Kos bagi menyewa bas dan van untuk mengangkut rakyat Malaysia dan para diplomat dari Kuwait ke Amman	\$ 88,542.63
(c) Kos sewa hotel dan bayaran untuk makan minum bagi rakyat Malaysia dan para diplomat semasa di Amman dan makan minum di Baghdad	\$ 88,802.07
(d) Lain-lain kos yang dibelanjakan untuk Pasukan Petugas Khas dalam urusan-urusan pengendalian membawa balik rakyat Malaysia dan para diplomat dari Kuwait	\$ 33,307.23
	<hr/>
	\$661,843.55

- (c) Mengenai soalan (c), saya telah memberi jawapan kepada soalan yang sama pada 6hb Disember, 1990.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG (MEMPERBADANKAN) MAJLIS DAYA PENGELUARAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta (Perbadanan) Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989 dan 1990) (NO.2)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL.2) 1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No.2) dibacakan kali yang kedua sekarang" dan bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$3,138,525,692 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1990 untuk menampung sejumlah \$3,138,525,692 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1990 dan yang disenaraikan bersetentangan dengan Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut. (11hb Disember, 1990)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung.

3.38 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Perkara seterusnya ialah mengenai soal keadaan ringgit dan perkara itu seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum sudah pun terjawab dalam Dewan ini. Dan saya merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan peranan Bank Negara. Saya mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk bersabar tentang perkara ini kerana ada jawapannya yang akan disampaikan dalam soal jawab dalam tempoh mesyuarat kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai soal pembayaran balik hutang-hutang dan kedudukan hutang negara pada ketika ini. Adalah benar bahawa Kerajaan sudahpun mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk menguruskan tentang keadaan hutang sebegitu rupa. Sehingga pada hari ini hutang Kerajaan daripada sumber luar dapat dikurangkan kepada lebih kurang \$24 billion dan ini berlaku melalui satu proses pembayaran balik sejak 3-4 tahun kebelakangan ini di mana ada di antara hutang-hutang tersebut telah dibayar apabila ianya matang.

Ada di antara hutang dibayar lebih awal lagi supaya dapat menyelamatkan beban pembayarannya secepat mungkin dan ada juga hutang-hutang tersebut dibayar melalui satu proses apa yang dipanggil currency swop di mana hutang yang berasaskan kepada matawang Yen diubah kepada matawang yang lebih wajar lagi, maka pendedahan hutang kita dalam bentuk Yen

dapat dikurangkan. Ada juga pembayaran pengurangan beban hutang itu dibuat dengan tujuan untuk meringankan beban faedah yang perlu dibayar, maka pada keseluruhannya, langkah-langkah yang dibuat sejak tiga atau empat tahun kebelakangan ini, Tuan Yang di-Pertua, membawa kepada keadaan di mana kita dapat mengurangkan beban hutang Kerajaan dan akhirnya dapat mewujudkan satu campuran hutang di mana pendedahannya kepada satu-satu matawang dapat kita kurangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, bahawa adalah benar ada perbezaannya di antara hutang negara dengan hutang Kerajaan Persekutuan. Untuk maklumat yang lebih terperinci, saya akan menyampaikan maklumat-maklumat tersebut secara bertulis kepada Yang Berhormat dari Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbincangan semalam seperti soal yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan - perlantikan Dekan-dekan dan Naib Canselor, latihan jururawat, perkara Terminal Dua dan sebagainya dan perkara yang berkaitan dengan soal susu tepung dan masalah wabak yang melanda setengah-setengah negeri dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan soal Bomba Sukarela dan pantai yang rosak melalui proses pembangunan dan masalah yang berlaku di Universiti Utara Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa perkara-perkara tersebut adalah lebih wajar dibangkitkan apabila kita masuk dalam Jawatankuasa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah jawapan-jawapan yang dapat saya sampaikan dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama membahaskan tentang Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan-wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$3,138,525,692 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1990 untuk menampung sejumlah \$3,138,525,692 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1990 dan yang disenaraikan berseparahan dengan Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.4 dan B.9 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.4 dan B.9 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Ahli dari Nilam Puri.

3.45 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, oleh kerana saya Ahli Yang Berhormat baru dalam Parlimen ini, kalau tersalah nanti bimbnglah saya untuk saya turut berbahas di peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, di dalam Kertas Perintah 15A iaitu di dalam Lampiran 'A' di mukasurat 4, izinkan saya membuat beberapa teguran di bawah Maksud B.4—Suruhanjaya Pilihanraya.

Izinkan saya menyentuh di dalam Perkara B.4—Suruhanjaya Pilihanraya di bawah Urusan Pilihanraya di dalam Kertas Perintah 15 Tahun 1990 iaitu Pentadbiran Am, Operasi Pilihanraya dan juga Pembelian Komputer yang jumlah semuanya adalah \$10,423,000. Urusan pilihanraya di bawah butiran Pentadbiran Am, operasi pilihanraya dan kita lihat di sini dalam hal kursus kepada pegawai-pegawai pilihanraya memakan belanja \$4,704,000 adalah untuk menampung perbelanjaan tambahan bagi menganjurkan kursus dan latihan kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya mengikut keperluan pindaan Akta Pilihanraya termasuk pembelian alat-alat kelengkapan.

Tuan Pengerusi, kita lihat peruntukan yang sebegitu rupa tetapi kita lihat kecekapan pegawai-pegawai dalam mengendalikan pilihanraya

masih lagi di tahap yang agak rendah. Misalnya berlaku di dalam Parlimen Permatang Pauh bagi DUN Permatang Pasir dalam Pengurus Pilihanraya membuat tindakan di atas satu keputusan adalah berlainan dengan apa yang dibuat oleh pihak Pengurus Pilihanraya yang mengendalikan pilihanraya di Nibong Tebal. Misalnya, calon DUN Permatang Pasir daripada PAS bernama Yusuf Latif dan daripada Barisan Nasional bernama Haji Adnan Ramli. Kedua-duanya menghantar borang penamaan calon. Pegawai Pengurus Pilihanraya adalah seorang Pegawai Daerah daripada Bukit Mertajam. Beliau bernama—boleh saya menyebut namanya?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Boleh.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Wan Teh Kamal. Terima kasih, Tuan Pengerusi, membimbing saya. Kemudian pihak PAS dan 46 telah membuat bantahan kerana borang yang diisi oleh calon Barisan Nasional tidak mengikut Peraturan Pilihanraya di mana di dalam Kertas atasnya untuk mengisi tempat yang bertanding. Beliau hanya mengisi Pulau Pinang. Beliau tidak mencatatkan N11—Permatang Pasir. Bantahan telah dibuat sehingga pukul 3.00 petang. Pihak Pengurus Pilihanraya tersebut mengatakan bahawa bantahan itu ditolak. Tetapi satu lagi peristiwa berlaku di Nibong Tebal. Pegawai Pilihanraya tersebut daripada Permatang Pauh menolak bantahan itu diketahui setelah menerima arahan Suruhanjaya di Kuala Lumpur dan juga Suruhanjaya di Pulau Pinang. Kita harap pegawai pilihanraya tersebut menolak bantahan itu adalah kerana menyalahi undang-undang bukan kerana ia segan kerana calon Parlimen di situ adalah Menteri Pelajaran iaitu orang yang berpengaruh di dalam Kerajaan ini, sedangkan kes yang sama, berlaku kertas pencalonan bagi calon

bebas bagi Parlimen Nibong Tebal tidak mengisi tempat bertanding dengan sempurna tetapi pihak Suruhanjaya memutuskan bahawa calon itu tidak boleh bertanding walaupun ia tidak mengisi tempat bertanding. Calon bebas ini tidak dapat bertanding kerana tidak mengisi borang dengan betul tetapi calon daripada Barisan Nasional Penanti dapat bertanding walaupun mengisi borang dengan tidak betul. Apa yang hendak dikemukakan di sini . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya hendak tanya sama ada kes yang dibangkitkan di sini masih dalam pertimbangan mahkamah atau sebaliknya?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kita sedang membuat petisyen.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Adakah ini dalam pertimbangan mahkamah?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Belum lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kalau dalam pertimbangan mahkamah, biasanya kes ini tidak boleh dibangkitkan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Belum lagi. Baru hanya dikemukakan di peringkat peguam. Tidak lagi di peringkat mahkamah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, adakah perkara-perkara ini berlaku adalah kerana kursus-kursus pegawai-pegawai ini tidak dijalankan dengan sempurna? Ertinya peruntukan yang diberikan ini tidak cukup untuk memberi kursus kepada pegawai-pegawai supaya tindakan mereka nanti adalah standard dan sama di tempat-tempat lain.

Memang petisyen pilihanraya sedang dibuat dan kita harap kes ini mendapat perhatian supaya pegawai-pegawai yang mengendalikan pilihanraya akan dapat membuat tindakan dan juga memberi keputusan cara yang sama pada masa hadapan.

Apakah kursus selama ini tidak berkesan dan juga apa yang dijalankan selama ini kita lihat tidak mendatangkan kesan kepada pegawai-pegawai pilihanraya.

Dari segi kursus ini juga yang menelan belanja begitu banyak, kita lihat komputer-komputer dibeli tetapi pendaftaran paling kelam-kabut. Kita lihat nama-nama pengundi hilang apabila mereka masuk ke tempat mengundi, tetapi di luar tempat mengundi nama-nama mereka tercatat dalam daftar-pemilih atau senarai orang-orang yang boleh mengundi. Ianya berlaku di tempat, terutamanya di Permatang Pauh iaitu di Sekolah Cina Kampung Pelet, Sekolah Pekan Permatang Pauh, Sekolah Kebangsaan Tanah Liat, Sekolah Menengah Penanti. Banyak nama-nama mereka, pengundi-pengundi ini di tempat meja panas di luar, nama-nama mereka tercatat tetapi apabila masuk ke dalam untuk mengundi nama mereka tidak ada bagi senarai yang disimpan oleh pihak pegawai pilihanraya di dalam tempat mengundi.

Di Kedah pula kita lihat, sebelum itu senarai-senarai pengundi ini juga berlaku begitu hebat, terutama di kawasan Parlimen Kuala Nerus, sama seperti yang berlaku di Permatang Pauh iaitu nama-nama mereka ada di tempat meja panas tetapi tidak ada apabila masuk ke dalam tempat mengundi.

Pengundi-pengundi pos juga kita lihat pegawai-pegawai tidak dapat mengendalikan dengan sempurna. Di Kedah, pengundi pos bagi tentera misalnya termasuk para isteri tetapi pihak Polis tidak disebut termasuk

sama dengan isteri. Tetapi ada di beberapa tempat di Perak dan juga di Kedah berlaku pengundi-pengundi dari polis juga termasuk dalam senarai pengundi-pengundi pos. Kita harap ia dapat diselaraskan di seluruh negara. Kita tidak mahu di Kedah dan di Perak lain tetapi pengundi pos disenaraikan di negeri-negeri lain juga didapati berlainan.

Hasil daripada ketidakcekapan dalam mengendalikan pendaftaran walaupun mereka telah berkursus dengan memakan belanja yang begitu banyak atau belanja itu tidak cukup untuk berkursus banyak kali, berlakulah apa yang kita lihat di Marang di mana hasil daripada tidak kecekapannya ataupun senarai pemilih yang datang daripada luar dan bila bantahan-bantahan tidak diterima. Akhirnya berlakulah peristiwa yang tidak diinginkan seperti yang berlaku di Bukit Gasing, di mana berlaku pertengkaran, berlaku tuduh menuduh dan perkara yang tidak diinginkan antara pihak Polis dengan penduduk Bukit Gasing.

Kita bersyukur kepada Allah kerana di atas kesabaran pihak Polis dan juga kesabaran pemimpin-pemimpin politik tempatan, kejadian yang disifatkan Memali II tidak berlaku di tempat tersebut. Kejadian ini, Tuan Yang di-Pertua, ianya berpunca daripada ketidakcekapan mendaftar pemilih-pemilih walaupun mereka telah berkursus beberapa kali.

Kita juga mendapat khabar bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah memohon sebanyak \$70 juta untuk mendaftarkan semula nama-nama pemilih secara bersih seperti yang dijalankan di Australia di mana senarai pemilih itu didaftarkan sepanjang masa dan juga mengikut standard yang dibuat di Australia. Pihak Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya telah mengemukakan pandangan ini semasa kami melawat ke tempat beliau, tetapi beliau

mengatakan pihak Kerajaan, pihak pemerintah tidak lagi meluluskan peruntukan sebanyak itu untuk membersihkan senarai pemilih sebersih-bersihnya mengikut apa yang dilakukan di Australia dan juga di Kanada.

Kita lihat pula pada hari pembilangan undi yang berlaku di Marang. Televisyen/Radio mengisytiharkan bahawa kemenangan wakil PAS, Yang Berhormat Ustaz Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang dengan majoriti 161, tetapi bila dikira semula di tempat undi, bila semua laporan-laporan sampai diisytiharkan pula besoknya bahawa keputusan itu silap. Sebenarnya majoritinya adalah 350. Ini kita amat kesal kerana ketidakcekapan pegawai-pegawai mengendalikan keputusan pilihanraya. Oleh itu, dalam masalah ini kita minta supaya peruntukan kepada Suruhanjaya ini ditambah supaya mereka dapat mengendalikan kursus dan juga mendaftar pemilih dengan sempurna mungkin. Dengan itu tidak berlakulah kekecohan pada masa hadapan dan semua rakyat berpuas hati sebelum pilihanraya ataupun selepas keputusan pilihanraya diumumkan.

Sekianlah sahaja saya membincangkan dalam masalah B.4 Urusan Pilihanraya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

3.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, menyentuh B.4 Kertas Perintah 15A . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Butiran?

Dr Tan Seng Giaw: Lampiran A, mukasurat 4.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Butiran ke berapa?

Dr Tan Seng Giaw: B. 4, mengenai Suruhanjaya Pilihanraya yang menerima wang peruntukan Perbelanjaan Mengurus Tambahan berjumlah \$10,423,000 di bawah Pecahan Kepala 01000 Urusan Pilihanraya. Perbelanjaan dilaporkan dibuat ke atas latihan kakitangan SPR, pembelian aset, elaun kepada kakitangan yang bertugas untuk urusan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih dua kali setahun dan membiayai perbelanjaan Pilihanraya Umum Negeri Sabah pada bulan Julai, 1990.

Laporan kurang jelas sama ada perbelanjaan ini meliputi pembiayaan bagi mengendalikan Pilihanraya Umum pada bulan Oktober lalu. Adakah perbelanjaan juga masuk kira pembiayaan ini?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat menyentuh butiran 01200 Operasi Pilihanraya ataupun kesemua . . .

Dr Tan Seng Giaw: Urusan pilihanraya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Di bawah urusan pilihanraya, adakah ketiga-tiga sekali Yang Berhormat hendak sentuh?

Dr Tan Seng Giaw: Kesemualah, tak payah hendak sebutkan butiran lagi.

Di sini saya ingin menyentuh mengenai pengendalian pilihanraya Umum bulan Oktober lalu terutama sekali kejadian-kejadian setengah-setengah nama pengundi tidak dijumpai dalam daftar pengundi, penduaan nama dalam kes yang lain, pendaftaran butir-butir pengundi yang kurang tepat dan pemindahan nama pengundi ke kawasan yang lain. Walaupun pihak SPR mempunyai komputer dan juga latihan bagi kakitangan, data pengundi, tetapi masih tidak rapi. Misalannya di

kawasan pilihanraya saya, Kepong, ramai yang pernah mengundi di dalam Pilihanraya Umum yang lepas, mendapati nama mereka tidak dijumpai dalam daftar pengundi yang dikeluarkan oleh SPR tetapi ada kalanya bila disemak daripada komputer SPR ada nama mereka.

Memang terdapat juga setengah-setengah kes di mana nama pengundi ada di dalam daftar yang dijual kepada kami, tetapi pada hari pengundian pula tidak dicatatkan di dalam daftar pengundi yang dibekalkan kepada pihak ketua tempat mengundi. Memang perkara ini berlaku di banyak tempat di seluruh negara. Ada di antara mereka menjumpai nama mereka di pusat pengundi yang berlainan. Jika seorang boleh tersilap menyemak nama mereka daripada daftar pengundi, takkanlah berpuluh-puluh orang atau jika ditinjau di peringkat seluruh negara, beratus-ratus, mungkin beribu-ribu orang juga tersilap.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Ada pula aduan Ahli-ahli keluarga yang mendaftar di bawa alamat yang sama mendapati nama setengah-setengah anak atau adik mereka dicatat di pusat pengundi yang berlainan. Ada juga aduan kesilapan memasukkan butir-butir pengundi. Di Kepong, Tuan Pengerusi, terdapat satu kes di mana dua orang pengundi yang langsung tidak ada pertalian saudara dan tinggal di tempat jauh antara satu sama lain, iaitu satu di Taman Emas di Kepong dan satu lagi di Jinjang, boleh bersama-sama berkongsi pendaftarannya. Pengundi di Taman Emas, Kepong ialah seorang lelaki yang mengundi bagi kali pertama, mendapati nombor kad pengenalnya dicatat di bawah nama seorang pengundi perempuan yang tinggal di Jinjang. Pengundi perempuan ini pernah mengundi dalam pilihanraya umum yang lepas. Pihak saya sudahpun membantu mereka berdua ini membuat aduan kepada SPR.

Begitu juga catatan nombor kad pengenalan, jantina dan ejaan nama juga ada yang salah. Penggandaan nama juga dikesan di Kepong dan sekurang-kurangnya dua catatan sedemikian telah dilaporkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya menerusi telefon. Pihak saya diberi tahu nombor pengundi yang dicatat terlebih dahulu akan diambil kira pertama kalinya aduan dibuat dan pada kali kedua nombor pengundi yang kedua pula dikatakan sah oleh pihak SPR.

Tuan Pengerusi, memandangkan kejadian-kejadian ini, kami menyokong saranan Suruhanjaya Pilihanraya untuk meminda Akta Pilihanraya berhubung dengan pendaftaran pengundi dan penyediaan daftar. Sepertimana kami pernah menyarankan bahawa pendaftaran pengundi seharusnya dipermudahkan seperti membolehkan pengundi mendaftarkan diri sepanjang tahun di tempat-tempat yang senang dan sering dikunjungi rakyat, misalnya, di Pejabat-pejabat Pos.

Berkenaan dengan dakwaan adanya setengah-setengah pegawai pilihanraya yang memihak kepada pihak pembangkang, menghalang penyokong Barisan Nasional mengundi, kami juga menyeru pihak SPR supaya bertindak adil dan menyiasat juga pegawai-pegawai yang memihak kepada Barisan Nasional dengan bertindak menghalang agen pihak pembangkang daripada melaksanakan tugas mereka, misalnya, enggan memberi helaian kira kepada agen mengira undi.

Tuan Pengerusi, kerana Butiran ini berkenaan dengan urusan pilihanraya termasuk latihan kakitangan SPR, pembelian aset, elaun kepada kakitangan yang bertugas untuk urusan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih dua kali setahun dan membiayai perbelanjaan Pilihanraya Umum, saya hendak memetik beberapa pandangan daripada kedua-dua buku yang dibentangkan di sini. Yang

pertama mengenai "Malaysian Elections" daripada "The Report of the Commonwealth Observer Group on the Malaysian Elections", dan ada daripada Jabatan Perdana Menteri "Comments by the Government on the Report of the Commonwealth Observer Group on the 1990 General Elections, dengan izin, Tuan Pengerusi. Malangnya saya tidak ada Comments daripada pihak pembangkang. Jadi pihak SPR tidak memainkan peranan yang adil. Kalau kita ada 'comments' jadi, kita mesti ada dua—satu daripada pihak Kerajaan dan satu daripada pihak pembangkang. Izinkan saya membaca beberapa pandangan mengenai urusan pilihan-raya.

Tuan Pengerusi adakah satu naskhah?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada, kalau hendak beri, minta satu, terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak ada. Saya pun ada satu sahaja! (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jangan baca panjang-panjang sangatlah!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Pasir Mas ada satu naskah, berilah kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya pun hendak gunakan saya punya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak apa, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Izinkan saya menggunakan bahasa Inggeris di sini kerana laporan ini semuanya di dalam bahasa Inggeris. Mengenai "Prepara-

tion of the Electoral Roll", saya baca-kan pandangannya:

(Dengan izin) "Because confidence in the integrity of the Commission—SPR—and of the registration process is such a vital component of the democratic process, we decided that this was a matter which we should take up with the Election Commission. Late on the evening of Saturday 20 October on the eve of polling day, we asked for an appointment with the Commission, which was immediately granted, and we raised the matter with the Chairman and Secretary. They admitted that they were aware of the situation and that the discrepancies affected about 300,000 voters.

This again is an area of the electoral process that we believe might benefit from an urgent review well before the next general election. We reiterate our view that the registration process is at the heart of the conduct of any election. However immaculate the nomination and voting procedures may be, if the voters' roll is flawed, and it is admitted that it was, then this must raise a question mark over the process. This is why it should be addressed as a matter of urgency."

Tuan Pengerusi, nampaknya "comments" daripada Kerajaan tidak sebutkan perkara ini. Kalau ada sebut, semuanya dijalankan dengan lancar dan baik. Entahlah, seolah-olah semuanya malaikat. Ada desas-desus, Tuan Pengerusi. Kalau hendak cakap, cakaplah. Saya tidak bolehlah hendak baca semua, cuma saya berharap Tuan Pengerusi dan semua Yang Berhormat dapat membaca naskhahnya sendiri. Cuma saya hendak rujukkan dua, tiga perkara sahaja dari mukasurat 17 mengenai "Assessment of Coverage of the Media in Malaysia". Menurut "Commonwealth Observer Group", ini

satu perkara yang terpenting di dalam pilihanraya, dan pendapat Observer Group ialah seperti berikut dengan izin, Tuan Pengerusi;

“Following our observations it appeared that the media, particularly television, overwhelmingly favoured the Government, giving almost exclusive coverage to Ministers in particular.”

Jadi, semalam Menteri Penerangan merupakan seorang tiruan kerana beliau tidak membaca pandangan-pandangan daripada Observer Group ini. Dia kata “coverage” kepada pembangkang itu lebih banyak daripada ‘coverage’ kepada pihak pemerintah, Barisan Nasional. Tetapi hampir tiap-tiap hari muka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan semua Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menterinya di dalam kaca TV hampir tiap-tiap saat nampaknya. Tidak ada perkara yang lain, berita yang lain, cerita yang lain. Cuma cerita Menteri-menteri dan Perdana Menteri sahaja. Itulah coverage:

“The Opposition was not given an opportunity to put its message across nor was it able to buy time on radio and television. Opposition parties also complained that no daily newspaper would accept their advertisements”.

Iklan-iklan seperti dimuatkan di dalam *Nanyang Siang Pao* dan *Utusan Malaysia*, iklan-iklan yang memarakkan semangat sentimen perkauman dan agama dimuatkan dalam iklan itu. Tetapi iklan-iklan daripada pihak Pembangkang tidak dibenarkan.

“We had no way of verifying this but on the final days prior to polling, full page of Barisan Nasional

advertisements appeared in the dailies. We saw no similar Opposition advertisements”.

Dengan izin, Tuan Pengerusi,

“General Conclusion:

We concluded that the denial to the voter of adequate coverage of the personalities and policies of the Opposition prevented them from getting a balanced picture of all the issues raised in the election campaign. We, therefore, express the hope that in future campaigns, opposition parties would be allowed greater access to the media, especially television, which could accommodate party political broadcasts. Such a decision would undoubtedly strengthen the electoral process in Malaysia”

Jadi di dalam jawapan pihaknya, Kerajaan di sini sudah tidak nampak usaha-usaha untuk memperbaiki imej dan proses pilihanraya di Malaysia. Kononnya semuanya baik, sempurna, bukan main, sepertimana yang dianggapkan pihak Menteri-menteri, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri insan makhluk yang begitu sempurna sekali di dalam dunia, bukan sahaja di Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Jadi, cubalah kita tengok, saya pun tidak mahu hendak ulangkan dengan panjang lebar mengenai komen-komen daripada Jabatan Perdana Menteri kerana ini disiarkan di dalam akhbar untuk hari ini dan mungkin besok dan lusa juga. Di sini dalam muka 12 pihak Kerajaan katanya:

“The Observer Group’s perception of a strong bias on TV would be reduced if they had known that the Opposition repeatedly refused coverage by TV3”.

Saya pun hairan juga. Kalau coverage itu baik, bernas akan membayangkan keadaan sebenar, saya

tidak nampak mengapa Yang Berhormat dari Pasir Mas, Gua Musang, dari Marang menolak cadangan.....

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh juga, Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin): Silakan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya dengar celoteh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini bukan main lama lagi. Tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa pada satu masa dahulu parti-parti Pembangkang telah membawa satu keputusan untuk membakar surat-suratkhabar harian seperti *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *Straits Times* dan lain-lain dan hari ini kita dengar daripada Pembangkang dari Kepong membangkitkan kononnya surat-suratkhabar tidak memberi publisiti kepada Pembangkang. Jadi, yang mana satu Pembangkang hendak—hendak baca suratkhabar ini ataupun hendak supaya suratkhabar ini boikot parti Pembangkang?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, nampaknya fikiran Yang Berhormat itu tidak baik. Pandangan itu songsang (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, jangan banyak ketawa, teruskan. Kita tidak ada banyak masa. Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Mungkin dialah di belakang hendak bakar akhbar.

Kalau liputan dalam akhbar-akhbar adil dan saksama, jadi masalah tidak timbul. Saya tidak pernah bakar. Sebab itu saya bangkit di sini. Jadi, tidak payahlah kita hendak bangkitkan refusal of coverage by TV3. Saya bercadang sekarang kalau.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa dia tidak pernah bakar suratkhabar. Adakah dia ber-setuju dengan mereka yang bakar suratkhabar ataupun tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, siapa yang bakar? Saudara Yang Berhormatkah. Pihak kami tidak bakar akhbar. DAP tidak bakar akhbar.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta beri perhatian sebentar. Teruskan ucapan, tidak payah tuduhan-menuduh.

Dr Tan Seng Giaw: Gangguan sangat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Gangguan sangat. Dengan tindakan sedemikian dia mengakui salah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Di sini dia kata,

“The same was experienced by RTM, where its TV crew did not get

the cooperation from the Opposition parties when they tried to give coverage for some of the Opposition's political activities. This again shows the attitude and antagonism the Opposition parties seem to have on the radio and television network. Whilst advocating press freedom and fair treatment, the Opposition behaved otherwise".

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Penerangan, seorang yang tiruan itu, telah membangkitkan dengan suara yang hampir sama dengan komen-komen Jabatan Perdana Menteri ini. Jadi, saya berharaplah pihak Kementerianya dapat memperbetulkan keadaan semua ini dan juga saya mencadangkan bahawa lain kali bila kita adakan komen seperti ini untuk keadilan mintalah komen daripada pihak Pembangkang juga, kerana Dewan yang mulia ini bukan diperolehi oleh pihak Barisan Nasional sahaja, ada 53 orang di sini.

Tuan Pengerusi, saya mengalih kepada B.9, Jabatan Perangkaan, Kertas Perintah 15A, Lampiran A, mukasurat 5 - Jabatan ini menerima tambahan sebanyak \$9,875,200 bagi membiayai kerja-kerja persediaan Banci 1991 dan Banci Percubaan. Adalah difahamkan bahawa banci-banci berkenaan ialah untuk memperolehi maklumat bagi mengkaji perubahan dalam citarasa serta perbelanjaan rumahtangga supaya sebuah indeks harga pengguna yang baru dan lebih membayangkan perubahan dalam tingkat harga dan perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, kononnya banci ini akan berlangsung selama satu bulan. Pakar ekonomi tempatan pula berpendapat tempoh masa kajian seharusnya di antara 5 hingga 6 bulan ataupun sebaik-baiknya setahun. Halangan di sini ialah kajian sedemikian memerlukan tenaga kerja

yang ramai, perbelanjaan yang tinggi serta sangat rumit. Di sini, Tuan Pengerusi, kami ingin bertanya kepada Kerajaan tempoh masa banci 1991 dan banci percubaan akan berlangsung. Dalam cara-cara manakah banci percubaan boleh menyempurnakan kerja banci 1991 diperhatikan bahawa banci percubaan dilapor dilaksanakan pada 14hb Ogos, 1990.

Apakah hasil laporannya? Adakah ia mungkin bagi pihak swasta untuk menjalankan banci yang sama pada kos yang lebih rendah? Apakah perbelanjaan yang dibuat masing-masing untuk kerja penyediaan banci 1991 dan banci percubaan? Apakah bilangan rumahtangga yang Kerajaan bercadang mengkaji dalam banci 1991? Apakah jumlah ini dalam banci percubaan? Difahamkan bahawa bilangan yang lebih sesuai ialah 7,000 buah rumahtangga yang pernah dilakukan oleh Jabatan dalam banci tahun 1973 tetapi dalam banci tahun 1980, hanya 2,800 rumahtangga dikajikan.

Tuan Pengerusi, memandangkan sebegitu mustahaknya sekali indeks harga pengguna dalam penganalisaan pertumbuhan ekonomi negara, tingkat harga dan juga digunakan sebagai garis ukur tuntutan gaji di kalangan kakitangan Kerajaan, kami berharap pihak Kerajaan boleh melaksanakan banci yang lebih menyeluruh dan tepat dalam tahun 1991. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita teruskan, suka saya mengingatkan kebanyakan daripada kita menyentuh tentang Suruhanjaya Pilihanraya. Sukalah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mengikut peruntukan 36 (8) dalam Standing Order, saya bacakan; "Kelakuan atau sifat-sifat Duli Yang Maha Mulia..... termasuklah Suruhanjaya Pilihanraya..... tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan

usul bersendirian bagi maksud-maksud itu". Dengan demikian saya mohon kerjasama mengambil kira tentang peruntukan tersebut.

Ya, siapa lagi? Yang hujung sana. Silakan.

4.22 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.4—Suruhanjaya Pilihanraya, di bawah Butiran 010000 dan juga Butiran Kecil 010100 mengenai Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengenai dengan perlunya diperkemas birokrasi SPR ini kerana apa yang telah kita lihat, walaupun wang ini telah dibelanjakan iaitu sebanyak \$10,423,000 tetapi dari segi prestasi dan dari segi kekesan SPR dalam pilihanraya yang lalu, banyak yang perlu diperbaiki. Misalannya, peninggalan 300,000 pengundi-pengundi yang tidak dapat mengundi, bukan sahaja dirasai oleh parti Pembangkang bahkan Barisan Nasional pun banyak penyokong-penyokong Barisan Nasional yang tidak dapat mengundi. Seperti di kawasan saya, lebih kurang 300 orang penyokong saya tidak dapat mengundi menjadikan majoriti saya terkurang sebanyak 300.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya SPR memperkemas lagi birokrasinya agar areas, dengan izin, yang tidak dapat dikesan oleh SPR dapat dilakukan mulai daripada tahun ini supaya pada pilihanraya yang akan datang kita akan disediakan dengan Daftar Pengundi yang kemas dan juga nama-nama tidak dicampur-adukkan di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain.

Saya menyokong gesaan untuk membesar dan menambahkan lagi kekesan pentadbiran SPR ini iaitu di dalam perkara Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan serta Aset yang kita akan beri pada tiap-tiap tahun mengikut Annual Plan.

Tuan pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan operasi pilihanraya yang lalu iaitu di dalam Butiran Kecil 010200—Operasi Pilihanraya di bawah Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan dan juga Aset.

Di dalam operasi yang lalu, apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengenai dengan latihan iaitu penyediaan pegawai-pegawai Kerajaan dari Jabatan-jabatan Kerajaan yang ada untuk mengurus dan mentadbirkan operasi pilihanraya. Saya fikir selain daripada penambahan sumber untuk menyediakan latihan yang baik dan berkesan, perlu juga dipanjangkan masa latihan, kerana di dalam pilihanraya yang lalu, ternyata satu peraturan yang uniform atau yang seragam tidak wujud di kawasan Padang Terap.

Misalannya, peraturan yang dipakai pada satu peti undi tidak dipakai pada peti undi yang lain. Misalannya, di dalam parti mengutarakan ahli-ahli ataupun wakil-wakil parti di dalam pemerhatian undi dan juga pembilangan undi. Jikalau di setengah kawasan yang mana wakil diutarakan lambat iaitu sebelum pukul 7.00, tidak diberi masuk kalau dia datang lambat. Tetapi di dua tiga peti undi yang lain, wakil-wakil pemerhati pengundian itu datang pukul 10.00 diberi masuk. Ketidakteraturan peraturan ini menyulitkan parti-parti yang bertanding, bukan sahaja Barisan Nasional tetapi parti-parti Pembangkang pun dan mengakibatkan

pertengkaran berlaku di antara wakil-wakil calon dan juga pekerja-pekerja parti dengan pegawai-pegawai yang menjaga peti-peti undi ini dan berlakulah tuduh menuduh. Ada yang menuduh pegawai Kerajaan menyebelahi pihak Pembangkang, pihak Pembangkang menuduh pegawai Kerajaan menyebelahi pihak Barisan Nasional.

Sebenarnya ini tidak. Saya fikir ini adalah hasil daripada kurangnya latihan. Kemungkinan latihan yang diberikan itu terlalu suntuk. Kalaulah SPR mengkordinasikan dengan jabatan-jabatan lain khususnya Pejabat Daerah setahun atau dua tahun sebelum pilihanraya berlaku, ditunjuk awal-awal lagi siapa yang akan menjadi pegawai dalam proses pilihanraya itu dan diberi latihan (training) dari awal sehingga sampai masanya. Maka kemungkinan besar perkara-perkara yang remeh seperti ini, yang mendatangkan banyak kekeliruan dan kesalahfahaman di antara rakyat dan Kerajaan akan dihapuskan.

Di sini, Tuan Pengerusi, bukanlah perkara yang berlaku kepada SPR ini hanya memberi kesan yang negatif kepada parti Pembangkang malah calon-calon Barisan Nasional dan parti Barisan Nasional pun merasainya. Jadi, bukanlah soal yang dibangkitkan ini satu soal partisan tetapi ia adalah merupakan satu masalah universal, dengan izin, yang patut diperbaiki oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan kita berharap di dalam Budget nanti, SPR akan mendapat peruntukan-peruntukan yang cukup dan SPR dengan adanya Pengerusi yang baru, kemungkinan besar akan menambahkan lagi kekesan SPR menjalankan kerjanya.

Akhir sekali mengenai dengan di bawah Butiran besar 010000. Saya juga hendak menyentuh mengenai dengan 010300 iaitu Komputer. Yang mana di

sini di dalam Lampiran A, Kertas Perintah 15A ada disebut mengenai dengan pembelian dan juga penggunaannya.

Tuan Pengerusi, saya fikir kalau pihak SPR menggunakan komputernya dengan baik dan betul, kemungkinan besar soal 300,000 pengundi yang tertinggal itu dapat diselesaikan. Dari perspektif umum, negara kita belum lagi cekap di dalam mengurus dan mentadbirkan sistem komputer. Ini kemungkinan termasuk apa yang berlaku kepada SPR adalah satu contoh kepada kekurangan kecekapan kita di dalam penggunaan komputer.

Saya harap dengan adanya pengurusan komputer dan dengan adanya kecekapan yang lebih di dalam pihak SPR dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain menggunakan komputer, kita harap soal-soal sebegini, soal-soal yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perjalanan pilihanraya yang lalu tidak akan timbul lagi. Kerana komputer adalah satu alat atau mesin ciptaan manusia yang neutral, dengan izin, Tuan Pengerusi, komputer hanya memproseskan apa yang diberi kepadanya. Komputer tidak ada daya utama sendiri. Kalau dalam bahasa Inggeris dikatakan kalau kita bubuh "rubbish" dalam komputer maka "rubbish" akan keluar—"rubbish in and rubbish out".

Jadi, di sini saya harap pihak SPR di dalam penggunaan komputer yang menelan banyak belanja berjuta-juta ringgit memastikan bahawa penggunaan ini dijalankan dengan betul dan jangan dijalankan secara yang dijalankan pada umumnya sekarang yang mana kita dengar bahawa komputer-komputer Kerajaan kebanyakannya rosak. Komputer selalu rosak dan kita harap dengan adanya latihan seperti yang saya katakan tadi dan peruntukan yang bertambah, alat ataupun instrument computer ini dapat dijalankan dengan baik dan semoga dengan itu

tidak akan ada lagi komplek-komplek atau rungutan-rungutan mengenai dengan perjalanan Suruhanjaya Pilihanraya.

Pada umumnya saya ingin memberi tahniah kepada SPR walaupun di dalam serba kekurangan telah dapat menjalankan pentadbiran pilihanraya kita dengan baik dan saksama. Mungkin ada sedikit kesilapan atau kelemahan, tetapi biarkanlah kelemahan dan kesilapan ini tidak berlangsung dari semasa ke semasa. Insya Allah, dengan teguran-teguran yang diberi pada hari ini dapat SPR membaiki dirinya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebelum kita teruskan, oleh kerana masa kita terlalu banyak memakan masa untuk bahas B.4 dan B.9, maka hanya seorang lagi Ahli Yang Berhormat kita jemput sekarang. Selepas itu kita akan minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.43 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya tidak mengambil masa yang panjang dan tidak bercadang untuk mengulang....

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat, ada apa?

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta bahawa peluang juga diberikan kepada Ahli-ahli yang lain, bukan masa yang panjang untuk berucap. 10 minit saya rasa pun memadai supaya peluang dapat diberikan kepada Ahli-ahli lain yang ingin berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Banyak lagi perkara yang perlu dibahaskan di sini.

Tuan Lim Guan Eng: Hanya 10 minit sahaja. Hadkan masa 10 minit sahaja, kalau boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak hendak ulang apa yang sudahpun diperkatakan. Cuma kesempatan di peringkat Jawatankuasa ini saya sukalah mengemukakan beberapa cadangan.

Merujuk kepada Maksud B.4, Butiran 010000 Urusan Pilihanraya ini, supaya pada masa akan datang setiap kali kita mengadakan pilihanraya kita mahu supaya keputusan itu legitimate iaitu tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Dalam soal Butiran 010100 Pentadbiran Am, yang ditimbulkan masalah, Tuan Pengerusi, ialah bersabit dengan kehilangan nama 300,000 orang, ada nama-nama orang yang sudah mati masih kekal dalam daftar, pertukaran tempat tinggal; boleh dikatakan cukup banyak masalah seumpama ini. Dan sekarang ini kita sudah ada komputer. Dulu kita boleh salahkan mungkin kerana "human error". Kita tidak mahu dengar nanti jika perkara ini berlaku lagi dikatakan pula "computer error". Mungkin sekali lagi "Jin error". Jadi kita tidak mahu lagi dengar "error..error" ini sebab sekarang ini dunia teknologi, kaki-tangan pun sudah dilatih dengan berbagai kursus, banyak pengalaman. Perkara seumpama ini mesti dibetulkan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan dan untuk mendapat reaksi daripada pihak Kerajaan, Tuan Pengerusi, iaitu:

- (i) Dalam mengatasi masalah ini, apakah sikap Kerajaan kalau dibuka urusan pendaftaran

pengundi sepanjang masa. Bukan lagi dihadkan seperti yang ada sekarang iaitu di waktu-waktu yang tertentu kerana ianya melibatkan perbelanjaan yang banyak.

- (ii) Mewajibkan kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas menjadi pengundi. Rakyat ini pun ada juga masalah; setengah-setengahlah, tidak semua. Waktu orang buka daftar mengundi, dia tidak hendak daftar. Bila nama tidak ada dalam daftar, dia sibuk. Ini serupalah kerana saya tegur mungkin Pembangkang atau pihak Kerajaan, pengundi masing-masing. Jadi, yang kita hendak selesaikan ialah dari segi pentadbiran supaya urusan ini berjalan licin iaitu hendak pastikan bahawa semua rakyat menjadi pengundi iaitu wajib 21 tahun ke atas menjadi mandatori; wajib, iaitu secara automatik menjadi pengundi, maknanya dia kena daftar dan dibuka sepanjang masa. Dan pihak Suruhanjaya Pilihanraya mestilah mengadakan koordinasi dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan juga pihak Polis bagi memastikan nama itu tidak tercicir dan bagi memastikan yang mati itu tidak ada lagi di dalam daftar pengundi.

Saya percaya cukup ramai yang telah meninggal, tetapi masih ada nama dalam daftar pengundi sehinggakan ada tuduhan kata "orang mati, keluar mengundi." Saya pun pelik juga bagaimana "orang mati keluar mengundi!" Saya pun tidak percaya orang mati boleh keluar mengundi. Tetapi oleh kerana nama itu wujud dalam buku daftar mengundi maka timbullah macam-macam masalah dan tohmahan.

Saya hendak berlaku adil sebab jika adanya masalah seperti ini, "to be fair", dengan izin, semua pihak yang bertanding mesti ambil kesempatan untuk menang. Saya tidaklah semata-mata mempertahankan Pembangkang tetapi mungkin sebagai manusia biasa sudah ada ruang-ruang itu maka terus dipergunakan, akhirnya menjadi masalah. Jadi maka sebab itulah saya ingin mencadangkan supaya perkara-perkara seperti ini diatasi, supaya memastikan perjalanan pilihanraya kita berjalan dengan baik dan memuaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Jauhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Klang. 10 minit sahaja.

4.38 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk turut membahaskan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1990 yang telahpun dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan.

Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada Maksud P.28 Perbendaharaan di bawah Butiran 02600 iaitu Pembelian Saham PROTON daripada HICOM berjumlah \$225,000,000 yang dikehendaki untuk membiayai pembelian saham Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Berhad (PROTON) daripada HICOM. Saya percaya dengan pembiayaan ini adalah . . .

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Pengerusi . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, hendak apa Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Perkara yang dibincangkan oleh saudara saya itu saya rasa tidak berkaitan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila teruskan.

Tuan Fong Kui Lun: Saya percaya dengan pembiayaan ini adalah

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar. Ada apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini bukan apa, point of order 36 (1), sebab kita bercakap di bawah Jabatan Perdana Menteri, bukan masuk Perbendaharaan lagi. Itu yang ditegur tadi. Point of order 36 (1)! Sekarang ini kita bincang di bawah Jabatan Perdana Menteri, Tuan Pengerusi! Bukan di bawah Perbendaharaan. Tuan Pengerusi suruh dia bercakap tadi soal Perbendaharaan, salah itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sila ambil perhatian. Teruskan.

Tuan Fong Kui Lun: Saya percaya dengan pembiayaan ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan kedudukan PROTON supaya menjadi sebuah syarikat kereta nasional yang dapat menyaingi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi suruh kita bercakap di bawah Perbendaharaan, belum ada cadangan lagi di pihak sana.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya mengerti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Pengerusi, saya menyebut hal ini kerana Edaran Otomobil Nasional Berhad yang diberi hak tunggal menjual kereta-kereta PROTON untuk pasaran dalam dan luar negeri kita telah mengenakan kadar harga yang tinggi ke atas para pengguna.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, point of order. Point of order untuk Tuan Pengerusi pula sendiri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekarang ini kita bincang di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cakap kuat sedikit, tidak berapa dengar!

Tuan Shahidan bin Kassim: tetapi dia cakap fasal PROTON di bawah Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta Ahli Yang Berhormat memperbahaskan perkara yang termaktub sekarang dalam perbincangan. Hendak berhenti? Selesai? Terima kasih. Berhenti, tadi meminta peluang sekali sepuluh minit. Saya jelaskan bahawa hanya seorang Ahli Yang Berhormat dibenarkan . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah tajuk

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah katakan tadi keputusan saya muktamad, hanya satu sahaja Ahli yang dibenarkan berbahas.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, tadi rakan saya minta sepuluh minit untuk rakan-rakan di sini untuk berucap (*Disampuk*) jadi sepuluh minit itu akan diagih-agihkan kepada rakan-rakan di sini semua.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa istimewanya DAP itu?

Tuan Lim Guan Eng: Termasuk Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim:
Budak-budak

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Telah diputuskan tadi seorang berbahas untuk sepuluh minit, jadi nampaknya dia boleh dikatakan stuck. Jadi, kita beralih kepada keputusan saya bahawa perkara ini sekarang dikemukakan kepada Menteri yang berkenaan untuk membuat jawapan. Silakan.

4.43 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap iaitu Ahli-ahli dari Nilam Puri, Kepong, Padang Terap dan Pasir Mas.

Perkara-perkara yang dibangkitkan, pertama ialah mengenai kursus kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya Pilihanraya telah mengadakan kursus yang mencukupi sepanjang tahun dan juga secara intensif sebulan sebelum penamaan calon Pilihanraya. Pada tahun ini ialah satu perubahan dari segi perundangan Pilihanraya dimulai iaitu pengiraan undi diadakan di tempat mengundi, tentulah kita faham bahawa tiap-tiap yang baru itu tentu ada kesilapan di sana-sini, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya berjanji akan memperbaiki keadaan itu pada masa-masa yang akan datang.

Mengenai pengisian borang pencalonan, mengisi borang secara tidak betul di Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir, Suruhanjaya Pilihanraya mendapati tidak ada kesilapan yang dilakukan oleh pihak pegawai pengurus dan dengan itu borang penamaan itu telah diterima. Jika sekiranya ada kemusykilan, maka petisyen Pilihanraya bolehlah dikemukakan kepada mahkamah.

Mengenai pembelian komputer, tetapi pendaftaran pemilih masih tidak bersih, penggunaan komputer telah pun menambahkan kebersihan daftar pemilih. Adanya kesilapan itu adalah tidak disengajakan, akan tetapi kesilapan pihak pemilih yakni pengundi-pengundi juga berlaku. Selalunya semasa bantahan dan tuntutan, jarang sekali pemilih-pemilih mengemukakan. Suruhanjaya bercadang untuk mengadakan daftar semula di seluruh negara. Ada pertanyaan adakah \$10 juta itu termasuk Pilihanraya 1990 bulan Oktober. Jawapannya ialah tidak. Peruntukan ini hanya untuk perbelanjaan kursus komputer dan pembelian peralatan Pilihanraya sahaja. Ada Ahli Yang Berhormat membangkitkan mengenai cara mana banci

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada Yang Berhormat bangkit untuk penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Minta Penjelasan.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya tidak membenarkan, kerana masa tidak ada.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada kebenaran. Teruskan.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Cara mana banci percubaan 1990 boleh memperingkatkan banci penduduk bagi tahun 1991, jawapan kepada soalan ini ialah banci percubaan telah dijalankan dalam bulan Ogos 1990. Hasil banci percubaan ini telah menunjukkan bahawa Jabatan Perangkaan patut memperkemaskan dan memertingkatkan aktiviti-aktiviti persediaan banci 1991 agar banci 1991 dapat menghasilkan data-data yang bermutu tinggi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$10,423,000 untuk Maksud B.4; dan \$9,875,200 untuk Maksud B.9 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,423,000 untuk Maksud B.4; dan \$9,875,200 untuk Maksud B.9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B.15 dan B.16 (Jadual Kedua)—

Maksud P.14 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita berpindah kepada Kepala Bekalan B.15 hingga B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.47 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Kertas Perintah 15 iaitu Maksud B.16 mengenai dengan Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Tadi di dalam gulungan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, beliau meminta supaya jawapan dibuat pada peringkat Jawatankuasa. Apa yang saya cakapkan semalam yang telah dicatatkan di dalam *Hansard* mukasurat 97, saya ingin ulang hari ini dan dapat dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Menteri yang berkenaan. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu ulang.

Kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat rujuk pada muka 97, pertanyaan saya ada di situ dan untuk menjimatkan masa, saya tidak mahu mengulangnya. Sekian Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Nilam Puri.

4.49 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dalam Maksud B.16 iaitu Jabatan Perkhidmatan Bomba yang belanja tambahannya \$1 juta untuk Pasukan Bomba Sukarela.

Dalam perbelanjaan ini, adakah ia termasuk dalam Briged Setia yang ketuanya ialah Timbalan Menteri Perumahan dahulu yang banyak operasi ini berlaku di Kelantan? Adakah belanja ini termasuk dalam Briged Setia yang juga terlibat dalam Pasukan Bomba Sukarela?

Dalam masalah B.16 ini juga saya ingin menarik perhatian tentang perkhidmatan bomba, terutama sekali apabila berlaku kebakaran di Sekolah Taufiqiah, Batu 16, Kedah. Amat malang sekali apabila kita lihat dalam televisyen pihak bomba cuba menyalahkan pihak sekolah, tetapi di sekitar sekolah itu tidak ada persediaan bomba, tanpa alat-alat dan juga persediaan air untuk digunakan kalau berlaku apa-apa kebakaran.

Kemudian, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bila berlaku kebakaran pihak Pengetua Sekolah telefon beberapa kali pihak Bomba tidak datang sehinggalah pihak Pengetua Sekolah naik kereta pergi ketuk rumah tempat Bomba itu, panggil, baru hendak pakai baju. Jadi ini amat kesal sedangkan kebakaran berlaku begitu cepat. Sudah pergi ketuk baru hendak pakai baju, kemudian baru

datang, datang pula dengan peralatan yang tidak ada untuk memadam kebakaran yang menyebabkan akhirnya 27 orang pelajar-pelajar mati lemas kebakaran dalam kejadian di Sekolah Taufiqiah itu. Oleh itu Perkhidmatan Bomba ini kalau peruntukannya tak cukup hendaklah ditambahkan lagi dan latihan yang sesuai. Tempat-tempat awam, sekolah dan sebagainya hendaklah dilengkapi dengan air yang cukup supaya peristiwa Sekolah Taufiqiah tidak berulang lagi, termasuk juga yang menyebabkan kematian begitu banyak dan kemalangan itu adalah kecuaiannya pihak Bomba di antaranya yang menyebabkan berlaku pertolongan yang amat lewat daripada pihak Bomba.

Sekianlah saya menarik perhatian untuk membincangkan perkara B.16 Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin): Silakan.

4.51 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, yang pertamanya ialah B.15 Pengawasan dan Penyelarasan Taman Awam.

Tuan Pengerusi, sesuai dengan tidak ada orang PAS yang bangun bercakap hal ini, saya pun hairan, tetapi mereka-lah yang paling banyak bagi komen fasal kedudukan taman-taman awam. Orang PAS cuma bercakap fasal kebakaran, dia tak cakap fasal taman awam, sebab selalunya di negeri saya, dia komplek kerana taman awam ini sebenarnya menggalakkan orang bermaksiat dan sebagainya. Jadi bermakna PAS menyokong inilah, saya ingat begitulah. Oleh kerana PAS pun menyokong, saya ingat sampailah masanya supaya Kerajaan menambahkan lagi peruntukan.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, ada apa Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa pihak pimpinan PAS tidak pernah mengeluarkan kenyataan yang rasmi dengan mengatakan demikian.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat hendak minta penjelasankah atau apa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:....Ini sebenarnya emosi semata-mata.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat hendak minta penjelasankah atau apa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bukan minta penjelasan, tetapi saya ingin memperbetulkan yang tidak betul. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa yang dibetulkan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Lain kali saya memperingatkan Yang Berhormat ini jangan bercakap, kalau bercakap mesti guna otak, jangan guna emosi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, di Parlimen ini kalau kita hendak bangun, kita kena pakai otak. Peraturan Mesyuarat ada, bangun, minta penjelasan ataupun Peraturan Mesyuarat.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, bangun bukan.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau sekiranya kita tak tahu, kita kena duduk. Hanya orang yang berotak sahaja boleh bercakap di Parlimen ini, kalau tidak, kena pergi kursus.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, saya minta jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Back-benchers sekarang sedang beri kursus kepada orang yang ingin belajar Peraturan Mesyuarat kepada PAS, 46, DAP yang baru-baru ini boleh hadir. Sayalah orang yang akan memberi kursus.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta teruskan ucapan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, kita bangun bukan pakai otak, kita bangun dengan menggunakan tenaga.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila teruskan ucapan. Ini perkara remeh-temeh jangan dibangkitkan di sini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, kalau otak tak boleh kontrol, tak boleh bangun. Ini orang bukan doktor jangan bercakap di sini, Tuan Pengerusi, rugi masa saya ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta supaya taman-taman awam ini diberi perhatian yang serius kerana dengan keindahan bandar melalui taman-taman ini ianya akan memberi satu suasana yang menggalakkan segala-galanya. Kalau sekiranya pertumbuhan ekonomi tinggi, perniagaan berjalan dengan lancar tetapi pekan itu pekan koboi, dia juga tak elok, dia tidak akan menggambarkan satu suasana yang sebenarnya ada

perkembangan ekonomi di tempat itu. Jadi kalau sekiranya kita ada taman yang indah dan sebagainya selalunya sukar manusia yang tidak berjiwa murni, seperti yang dikehendaki oleh setengah Pembangkang, setengah lagi dia lainlah pandangan dia sebab di sana DAP memang jauh beza dengan PAS yang dikehendaki oleh Pembangkang wujudnya manusia berjiwa murni. Manusia ini akan wujud jiwa murni kalau sekiranya suasana indah. Jadi pekan-pekan yang indah selalunya orang yang berjiwa murni dia tidak akan pergi membuat maksiat, lebih-lebih lagi dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam.

Sebagaimana tuan-tuan sedia maklum, sekiranya tempat-tempat ini kita—saya ingat saya bersyarah berlawanan dengan PAS di Perlis—sebagaimana yang kita sedia maklum, sekiranya tempat-tempat ini diperindahkannya, dalam masa yang sama kita dapat mengelakkan perkara-perkara yang lain, perkara-perkara yang tidak diingini oleh pihak kita semua seperti penagihan dadah dan sebagainya. Maka saya cadangkan supaya Kerajaan memberi perhatian yang serius tentang perkara ini dan saya ingin bertanya adakah kita ingin, ini dia yang sepatutnya dibincangkan di bawah Jawatankuasa, adakah pihak Kerajaan ingin untuk menambahkan peruntukan bagi menambahkan taman-taman awam di kawasan-kawasan perbandaran.

Yang keduanya, fasal B.16 Perkhidmatan Bomba. Tuan Pengerusi, berhubung dengan Perkhidmatan Bomba tadi ada rakan saya sebut fasal Briged Setia. Sebelum Menteri jawab, saya jawab dahulu sebab saya pun ada dua Briged Setia di kawasan saya, beruniform, satu sen pun Kerajaan tak bantu. Briged Setia ini adalah sebuah pertubuhan sukarela yang terlibat secara langsung untuk menjadi ahli-ahli bomba sukarela. Jadi mereka ini merupakan pertubuhan sukarela yang

bukan sahaja mendisiplinkan ahli-ahlinya, memberi latihan fizikal kepada ahli-ahlinya tetapi juga memberi sumbangan kepada masyarakat. Macam Briged Setia PAS buat kacau sahaja masa pilihanraya, tetapi Briged Setia yang kita buat ini ialah untuk memberi khidmat kepada masyarakat.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat ada apa itu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat hendak apa? Penjelasakah atau point of order?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Penjelasan:

Tuan Shahidan bin Kassim: Sila.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat dari Arau, kami tak ada Briged Setia, komando pun tak ada, tetapi kalau hendak lawan dengan Pemuda UMNO boleh. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Ugutan itu sudah cukup bahawa ada satu kumpulan. yang berbentuk ala samseng atau gangster itu ada. Kalau kita dikatakan ada komandokah atau Briged Setia, kita buat secara terbuka, diketahui umum. Briged Setia ada uniform, saya chief di Perlis, saya pun ada beberapa paku di sini, secara terbuka kita tunjukkan. Tetapi kalau beri ugutan, kalau UMNO hendak lawan tak takut, ini ada kumpulan samseng.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat ada apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya memang berani guarantee ugutan itu sudah menunjukkan bahawa kita merancang sesuatu di luar kemampuan mata memandang.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta Yang Berhormat berhenti sebentar.

Tuan Shahidan bin Kassim:
Hendak apa ini?

Dr Tan Seng Giaw: 36 (1), Tertib Mesyuarat. Tolong hadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan. Jadi tuduhan melulu, fitnah-memfitnah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila ambil perhatian peruntukan 36 (1).

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, ini dia tepatnya sebab tadi mukadimah, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi bantuan kepada Briged Setia yang telah membelanjakan wang yang begitu banyak untuk melatih ahli-ahli. Adakah Kerajaan hendak tampung dalam bentuk satu, satu, seperti yang diminta oleh sekolah-sekolah Cina tadi atau sebagainya untuk membolehkan kita bergerak, sebab kita bergerak hanya untuk membantu masyarakat, memberi khidmat kepada masyarakat dan kita ambil daripada anak-anak orang-orang PAS pun ada, DAP pun ada, 46 pun ada, UMNO ada sedikit tetapi akhirnya jadi UMNO pula semua dan juga Barisan Nasional untuk tujuan satu memberi khidmat kepada masyarakat.

Jadi saya ingin menyeru kepada Kerajaan dan juga merayu adakah Kerajaan bercadang untuk memberi bantuan kepada Briged Setia ini. Kepada Briged Tak Setia yang dibuat oleh PAS itu, saya ingat tak payahlah, tetapi ini yang kita ada uniform, yang kita beri latihan untuk menolong

masyarakat, memberi pertolongan kepada Jabatan Bomba dalam usaha kita mencegah kebakaran. Itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita beri peluang kepada satu Ahli Yang Berhormat lagi. Yang ini, dia belum berucap, teruskan.

4.59 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.15, Butiran 010000, Kod 7000 iaitu mengenai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di mana tambahan sebanyak \$804,900 diminta untuk urusan Jabatan tersebut.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sejauh manakah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa mempunyai kuasa untuk memastikan bahawa perkembangan atau pembangunan bandar diadakan secara terancang, teratur dan kemas.

Kerana telah berlaku banyak kali seperti yang berlaku di Melaka di mana cadangan-cadangan atau syor-syor yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa ditolak atau diketepikan oleh pihak Kerajaan sungguhpun syor-syor mereka adalah berasas prinsip-prinsip untuk menjamin penyelesaian dan keadaan bersih dan selamat kepada penduduk-penduduk.

Sebagai satu contoh di Melaka di mana tiga jabatan termasuk juga Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah menolak satu permohonan untuk mendirikan satu petrol kiosk di Melaka iaitu Petrol Kiosk Shell berdekatan dengan Taman Muzaffar Shah iaitu berhampiran dengan Lebuhraya Air Keroh. Sungguhpun tiga jabatan mencadangkan bahawa permohonan untuk mendirikan Petrol Kiosk Shell ini di—

tolak tetapi tidak dihiraukan langsung oleh pihak Kerajaan. Di antara sebab-sebab yang diutarakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa adalah kerana terdapat sebuah lagi petrol kiosk yang lain iaitu tidak lebih daripada 50 meter daripada di mana permohonan untuk mendirikan satu petrol kiosk yang baru. Ini adalah di antara satu sebab. Yang kedua bahawa ini mencemarkan keadaan di sekitar dan juga menceroboh prinsip-prinsip perancangan bandar yang ditetapkan dalam bidang akademik tetapi pihak Kerajaan tidak menghiraukan langsung cadangan-cadangan yang dikeluarkan.

Ini yang saya hendak bertanya, Tuan Pengerusi, sejauh manakah kuasa Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk menjalankan tugas mereka kalau syor-syor mereka tidak diambil kira langsung, kalau pandangan mereka tidak diambil, dihiraukan, diendahkan langsung oleh pihak Kerajaan. Selepas permohonan diluluskan oleh pihak Kerajaan untuk mendirikan sebuah Petrol Kiosk Shell barulah kita mendapati bahawa Petrol Kiosk Shell ini dipunyai oleh adik seorang Ahli Exco Negeri Melaka iaitu Yang Berhormat Yassin Sharif.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tunggu sebentar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (1).

Tuan Lim Guan Eng: Tujukan kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, tidak apa Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (1). Duduklah!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kita mesti menumpukan kepada tajuk perbincangan, Tuan Pengerusi. Dalam DAP ini cuma seorang sahaja yang mengikut tajuk iaitu wakil dari Kepong, yang lain tidak ada. Ini bercakap bukan tajuk, bukan sahaja dasar, ini sudah menyeleweng. Sama seperti bahasa Yang Berhormat dari Tumpat kata tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, terima kasih. Saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri pun sedar tentang perkara ini tetapi.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (1).

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, nanti sebentar Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Tidak apa, saya tidak menimbulkan apa-apa syak wasangka terhadap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tidak bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri Melaka.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta duduk sebentar.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tahu. Kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tahu, saya harap dia boleh mengambil tahu mengenai perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya kerana ini

adalah satu kes penyelewengan yang teruk sekali.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat...

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (1). Kalau point of order tidak hendak ikut, saya hendak campak buku ini, Tuan Pengerusi. Dia mesti ikut.....

Tuan Lim Guan Eng: Kalau hendak campak, sila campaklah. Jangan cakap sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Campak dekat muka kamulah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, minta bertenang ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Nanti sekejap!

Tuan Lim Guan Eng: Jangan buat omong-omong kosong.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kedua-duanya diminta bertenang. Sila ambil perhatian kepada peruntukan Peraturan Mesyuarat 36 (1). Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Seperti yang saya katakan tadi, syor ini bahawa permohonan untuk mendirikan satu Petrol Kiosk Shell ditolak oleh Kerajaan Negeri Melaka dan saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ada di sini sebagai Ahli Parlimen kawasan Jasin boleh mengambil tahu dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Pengerusi, boleh beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Boleh, tentu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tidak ada kena mengena dengan Kerajaan Negeri Melaka. Ini Dewan Rakyat untuk Persekutuan, untuk Malaysia.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu. Saya yakin kalau Yang Amat Berhormat....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau sudah tahu itu, jangan sentuh perkara yang sama.

Tuan Lim Guan Eng: Saya yakin kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bertanggungjawab atas Kerajaan Negeri, mungkin perkara sebegini tidak akan berlaku.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Telah dijelaskan tadi. Sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, dan saya harap kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri meminta penjelasan dan saya harus....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Penjelasan telah diberi. Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya teruskan dan ini sebagai menjawab penjelasan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya harap beliau boleh mengambil tindakan sewajarnya sebagai seorang pemimpin negara untuk memastikan bahawa tidak berlaku penyelewengan skandal tanah - skandal seperti ini yang berlaku di negeri Melaka.

Tuan Shahidan bin Kassim: 36 (1). Kalau sekiranya kita tidak mahu mengikut peraturan, Tuan Pengerusi, bagaimana kita hendak bincang ini, saya rasa susah. Dia hendak 'bully'

Tuan Pengerusi, sebab Tuan Pengerusi baru dilantik. Dia ingat dia boleh 'bully' tetapi kami tahu—jangan 'bully'. Cakap ikut peraturan, ikut tajuk. Ini kawan-kawan saya daripada PAS hendak bercakap juga.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya rasa dia yang tidak hormat Tuan Pengerusi. Itu yang menjadi masalah. Tuan Pengerusi, saya ingin teruskan....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti sebentar. Telah dijelaskan tadi bahawa Peraturan 36 (1) harus diambil kira di dalam perbincangan tiap-tiap Ahli. Jadi, ambil perhatian.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu, saya harap apabila syor-syor yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dikeluarkan, diambil kira. Jangan diketepikan dengan begitu mudah sekali untuk kepentingan politik Ahli-ahli, pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional khususnya UMNO Baru ini. Tuan Pengerusi.....

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Minta penjelasan, boleh ya?

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tidak tahu ada UMNO Baru. Boleh Ahli Yang Berhormat terangkan adakah sebuah parti dalam Malaysia bernama UMNO Baru?

Tuan Lim Guan Eng: Yang saya tahu UMNO Baru itu yang membunuh UMNO Lama. Itu yang saya tahu sahaja. Itu sebab UMNO Baru.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Pengerusi, saya bertanya secara serius sebagai Ahli Parlimen, sama ada sebuah parti bernama UMNO Baru di Malaysia?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila jawab pertanyaan tersebut.

Tuan Lim Guan Eng: Dia minta penjelasan saya. Sama ada saya hendak menjawab, itu hak saya, Tuan Pengerusi, tetapi mengikut....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apabila Yang Berhormat membangkitkan satu perkara, diminta menjawabkan, sila jawab. Yang Berhormat yang menyentuh perkara itu.

Tuan Lim Guan Eng: Itu hak saya, Tuan Pengerusi, tetapi saya akan jawab. Saya tidak akan lari.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Baiklah!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, kalau dia tidak mahu menjawab, dia terpaksa tarik balik perkataan "UMNO Baru".

Tuan Lim Guan Eng: Saya mahu tanya, Tuan Pengerusi, adakah perkataan "UMNO Baru" itu unparliamentary?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat, perkara ini harus kita putuskan sahaja. Teruskan ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya teruskan. Saya akur kepada arahan yang dikeluarkan oleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak merujuk kepada P.14, Butiran 00300 iaitu mengenai perkara Program Bersih dan Indah di mana tambahan sebanyak \$4,721,000 telah diminta sebagai Anggaran Perbelanjaan Tambahan.

Di sini saya harap bahawa semasa melaksanakan Program Bersih dan Indah biasanya tujuan yang diberikan

oleh pihak berkuasa adalah untuk memastikan bahawa keadaan adalah bersih untuk menarik lebih ramai pelancong. Itulah penjelasan yang selalu diberikan tetapi semasa melaksanakan ini, sungguhpun saya bersetuju dengan Program Bersih dan Indah tetapi ada kadangkala peluang diambil untuk melaksanakan dasar-dasar yang tidak berfaedah kepada rakyat seolah-olah kepentingan pelancong adalah lebih penting daripada kepentingan penduduk atau rakyat Malaysia.

Kadangkala saya ada juga menerima aduan bahawa adalah lebih baik untuk menjadi pelancong asing dari menjadi penduduk di Malaysia kerana begitu banyak faedah yang diberikan kepada pelancong-pelancong asing. Sebagai satu contoh, Tuan Pengerusi, di Melaka juga, di mana untuk melaksanakan Program Bersih dan Indah, satu daripada dasar ialah untuk meng-haramkan penjaja daging bergerak di kawasan MPMBB dan juga untuk mengharamkan kedai membaiki motosikal. Saya rasa ini adalah keterlaluan kerana semata-mata untuk menarik pelancong. Saya rasa, sama ada pelancong akan datang ke negara kita atau tidak, tidak bergantung sama ada terdapat kedai-kedai membaiki motosikal atau penjaja daging bergerak.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Dia berdegil, 36 (1) saya sudah bawa, dia masih berdegil. Saya berharap apabila Tan Sri Yang di-Pertua masuk, kenalah muka dia.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi....

Tuan Shahidan bin Kassim: Nanti, saya minta penjelasan boleh tak?

Tuan Lim Guan Eng: Minta penjelasan atau point of order?

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan, boleh? Boleh, duduklah.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan degil, nanti saya tarik balik, ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Duduklah. Tadi dia ada menyebut bahawa lebih baik menjadi pelancong asing daripada penduduk tempatan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk menyerahkan hak warganegara Yang Berhormat untuk menjadi pelancong asing? Kalau Yang Berhormat berkehendakkan demikian, nyah Yang Berhormat dari sini! Meluat tengok mukâ!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak jawab? Kalau hendak jawab, silakan.

Tuan Lim Guan Eng: Tentulah saya hendak jawab. Ini negara saya. Saya lahir di sini. Saya dibesarkan di sini. Saya hidup di sini dan saya tetap akan mati di sini. Ini adalah pegangan semua pemimpin ahli-ahli DAP. Bukan seperti ahli-ahli MCA, selepas menjadi Menteri, dia menjadi penghuni tetap di negara lain.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, jawapan sudah diberi, tak usah melarat ya. Teruskan ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Baiklah, kalau Tuan Pengerusi merasakan.

Seorang Ahli: Hei, apa dia?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, apa ini?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, apa ini? Tuan Pengerusi,

sebagai seorang Ahli Parlimen tangki, tak payahlah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada apa itu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tak payahlah, saya tak mahu beri jalan. Ini tak ada standard punya. Tak ada standard punya tak payah bagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, itu ada standard sedikit (*Ketawa*), boleh beri. Yang itu tak ada standard tak payah beri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tadi....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk semua. Tidak ada perebutan. Siapa yang hendak minta jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta penjelasan. Tadi saya bukan kata Yang Berhormat Kota Melaka. Kita memang membenarkan semua orang duduk di sini, kita tidak menolak hak seseorang warganegara duduk di sini. Tetapi Yang Berhormat saya rasa tersilap, besok boleh check *Hansard*. Beliau kata lebih baik jadi pelancong daripada menjadi penduduk negeri ini, maknanya Yang Berhormat tak berminat duduk di sini. Jadi, Yang Berhormat dengan kawan-kawan boleh berambus. Minta jadi warganegara asing dan datang balik ke sini menjadi pelancong. Tengok macam mana indahnya negara ini kita buat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, perkara ini sudah diselesaikan. Sila teruskan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, inilah fikiran cetek oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau. Tuan Pengerusi, apa yang saya sebutkan tadi, ada kadangkala saya menerima aduan bahawa adalah lebih baik untuk menjadi pelancong asing daripada penduduk di sini kerana faedah yang diberikan kepada pelancong-pelancong asing. Seperti satu contoh \$12 juta boleh dibelanjakan untuk mengubahsuai dua buah hotel mewah di Melaka—\$12 juta. Tetapi untuk mendirikan satu projek rumah kos rendah Kerajaan biayai berapa—\$3 juta. Satu projek rumah kos rendah, \$3 juta, tetapi \$6 juta boleh dibiayai untuk mengubahsuai sebuah hotel mewah. Itu yang saya cakap tidak adil, tidak menasabah, seperti menganaktirikan anak-anak watan kita sendiri. Mungkin Yang Berhormat dari Arau tak faham. Itu masalahnya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, point of order 36 (1).

Tuan Lim Guan Eng: Minta penjelasan atau point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: 36 (1). Saya sudah hilang kesabaran. Saya tidak akan duduk selagi Tuan Pengerusi tidak memberi jaminan yang dia mesti bercakap di bawah tajuk. Saya tak akan duduk, saya hendak berdiri di sini kalau dia tak berjanji dia hendak bercakap di bawah tajuk itu. Sebab orang lain pun banyak bercakap, rakan-rakan saya daripada PAS meminta saya supaya....(*Ketawa*). Saya hendak berdiri di sini sebab dia tak ikut peraturan. Ini sudah tidak ikut peraturan Parlimen, sayapun tidak ikut.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya rasa dia sudah lebih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh tak Yang Berhormat tumpukan kepada tajuk?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi yang menjadi Speaker di sini. Saya harap dia boleh memberikan penghormatan kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, saya hormat, tetapi Yang Berhormat yang tak hormat Tuan Speaker.

Tuan Lim Guan Eng: Itu adalah keputusan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya susah hendak duduk, Tuan Pengerusi, sebab dia tak ikut Peraturan 36 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak apa saya akan beri dia sedikit nasihat. Sila duduk dahulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia boleh berjanji mengikut Peraturan 36 (1), sebab dua tiga kali diminta dia tak ikut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka, teruskan ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila pendekkan ucapan, kita tidak ada banyak masa.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya tidak ingin berucap panjang lebar kecuali saya berharap bahawa semasa melaksanakan dasar-dasar tersebut, kepentingan dan perasaan penduduk-penduduk atau penghuni-penghuni yang mungkin terjejas akibat dasar-dasar itu diambil kira. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita minta kepada Menteri yang berkenaan untuk memberikan jawapan. Saya sudah katakan tadi hanya seorang Ahli yang dibenarkan. Jadi, masa sudah cukup, diminta kepada Menteri yang berkenaan untuk memberikan jawapan.

5.17 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk menyuarakan pandangan mereka terhadap tajuk di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Pada hari semalam, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Tetap telah menimbulkan soal Bomba Sukarela. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa peruntukan tambahan sebanyak \$1 juta bagi Jabatan Bomba adalah bertujuan untuk membeli perkakas-perkakas atau alat-alat untuk kepentingan atau untuk membantu Pasukan Bomba Sukarela dan sebanyak lebih kurang 40 unit bomba trelar dengan harga lebih kurang \$931,000 telah pun dipesan dan akan diserahkan ke beberapa unit Bomba Sukarela di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Dan adalah diharapkan manamana unit Bomba Sukarela yang belum mendapat bantuan daripada Kerajaan akan dapat dibekalkan dengan bantuan ini dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri juga telah bangun dan menyuarakan tentang Briged Setia. Sukalah saya nyatakan bahawa Briged Setia juga adalah serupa dengan Bomba Sukarela atau kadangkala dipanggil 'Bomba Gotong-royong', di mana pertubuhan ini diuruskan oleh rakyat dan untuk rakyat.

Inginlah saya nyatakan bahawa Jabatan Bomba dari masa ke semasa....

Tuan Pengerusi: Ya, ada Ahli minta penjelasan, hendak beri jalan?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apabila disebut peruntukan \$1 juta itu untuk keperluan membeli alat-alat kelengkapan Bomba Sukarela ataupun Briged Setia, apakah bentuk alatan yang dibeli itu? Sebab apa yang saya tahu, Tuan Pengerusi, bila disebut "bomba" ini hendak padamkan api, adakah beli kasut dan topi itu boleh padamkan api? Jadi apakah alat-alat yang dibeli itu? Terima kasih.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Pengerusi, inginlah saya nyatakan bahawa antara alat-alat yang dibelikan iaitu 40 unit bomba trelar iaitu 15 unit jenis 450 gallons per unit-hose, dan ada juga 25 unit jenis 700 gallons per-unit. Jadi, alat-alat ini adalah untuk kepentingan memadam api, bukan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas iaitu kasut dan sebagainya.

Saudara Yang Berhormat dari Nilam Puri juga telah menimbulkan soal kebakaran yang berlaku di Kedah. Sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini telah pun dibincangkan begitu mendalam dalam sesi Parlimen sebelum ini dan satu Suruhanjaya Penyiasatan DiRaja telah pun ditubuhkan, dan mungkin dalam sedikit masa laporan Suruhanjaya Penyiasatan DiRaja ini akan dikemukakan kepada Kabinet dan juga mungkin akan diedarkan untuk pengetahuan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan tidaklah saya ingin memberi penerangan lanjut tentang kebakaran yang berlaku di Kedah pada tahun yang sudah.

Saudara Ahli Yang Berhormat dari Arau telah bangun dan menyuarakan tentang Taman Awam dan Bomba Setia. Ingin saya nyatakan di sini bahawa peruntukan bagi Program Taman Awam ini adalah atas teguran serta pandangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana terdapat banyak Taman Awam telah tidak dikendalikan oleh sama ada Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran disebabkan peruntukan yang tidak mencukupi. Makanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memohon peruntukan untuk menentukan bahawa semua Taman-taman Awam yang terdapat di negara ini akan sentiasa bersih dan mempunyai sekurang-kurangnya kakitangan yang boleh menyelenggarakan kebersihan taman itu. Itulah sebabnya kita telah memohon peruntukkan untuk Taman Awam ini. Selain daripada itu juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah bangun dan menyuarakan tentang peranan Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa. Sukalah saya nyatakan bahawa Jabatan ini memberi perkhidmatan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyediakan pelan-pelan struktur untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan sebelum ianya diluluskan ianya akan dipamerkan untuk orang awam membuat bantahan sama ada untuk menerima pelan-pelan struktur itu atau untuk membuat pindahan terhadap rancangan-rancangan yang telah disusun oleh Jabatan ini dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

Jadi, terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyuarakan pandangan jika sekiranya pelan struktur yang telah siap dipamerkan untuk Saudara Ahli Yang Berhormat mengemukakan pandangan yang lebih sesuai difikirkan oleh Ahli Yang Berhormat. Cuma ingin saya menyata-

kan mengenai perkara petrol station yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, adalah tidak kena pada tempatnya untuk Saudara Yang Berhormat mengemukakan perkara itu di Dewan yang mulia ini. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, perkara ini harus dikemukakan di Dewan Negeri Melaka.

Mengenai Program Bersih dan Indah, sukalah saya nyatakan bahawa apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan juga Majlis Perbandaran Negeri Melaka dan saya mintalah supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$804,900 untuk Maksud B.15 dan \$1,000,000 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$804,900 untuk Maksud B.15 dan \$1,000,000 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$16,243,000 yang disebut dalam Maksud P.14 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$16,243,000 untuk Maksud P.14 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

Maksud B.17 (Jadual Kedua)—

Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,500,000 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,500,000 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$350,000 yang disebut dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$350,000 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

Maksud B. 18 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas.

5.28 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, menurut penjelasan yang diberi, tambahan \$26.417 juta

dikehendaki bagi membiayai sumbangan Kerajaan kepada akaun stok penimbal getah bagi Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO). Ianya berhasil daripada pembelian getah oleh Pengurus Stok Penimbal (INRO) bagi menstabilkan harga getah. Pada awal tahun 1989, Pengurus Stok Penimbal Getah (INRO) melaporkan bahawa negara-negara ahli tidak perlu menyumbangkan dana tambahan kerana kebanyakan negara dilaporkan masih mempunyai dana dalam akaun-akaun mereka. Laporan pada akhir bulan Mac 1989 pula melaporkan bahawa INRO mempunyai kira-kira \$1.02 bilion, dalam nilai aset. Pada bulan yang sama INRO telah menjual kesemua stok getah.

Pengerusi Stok Penimbal Getah INRO memasuki pasaran untuk membeli getah buat pertama kalinya selepas stok penimbal lama dijual pada akhir bulan Januari, 1990. Dalam tempoh masa Januari hingga Julai, 1990 sebanyak 30,000 tan getah dibeli oleh Pengurus. Pada masa yang sama, Tuan Pengerusi, iaitu pertengahan bulan Julai tahun ini, wakil Malaysia ke INRO melaporkan bahawa negara kita akan menerima \$3.2 juta di bawah imbuhan balik terakhir (final refund), dengan izin, Tuan Pengerusi, yang kesemuanya berjumlah \$11 juta.

Kami sedar bahawa sumbangan negara-negara ahli kepada Stok Penimbal INRO adalah berasaskan kepada jumlah pengeluaran dan penggunaan getah sesuatu negara. Kami juga sedar bahawa Malaysia adalah pengeluar utama getah dan sebagai pengguna menduduki tempat kesembilan di dunia dan keempat di Asia. Oleh itu, Tuan Pengerusi, berasaskan maklumat-maklumat tersebut di atas, kami ingin mengemukakan soalan-soalan berikut:

Pertama, apakah jumlah pembelian getah di atas mana peruntukan tambahan diperuntukkan

bahagian sumbangan Malaysia sepenuhnya untuk pembelian 34,000 tan INRO dalam tempoh masa Januari hingga Julai tahun ini? Jika tidak, maka apakah jumlah pembelian yang di rujukkan?

Kedua, apakah jumlah besar kos pembelian INRO dan seterusnya peratus sumbangan Malaysia serta cara bagaimanakah angka-angka tersebut diperolehi?

Ketiga, adakah tambahan sumbangan ini bermakna negara kita tidak lagi mempunyai dana yang mencukupi dalam akaun dengan INRO? Apakah baki dana kita sekarang berbanding dengan tempoh masa awal tahun 1989 dan menjelang akhir bulan Mac, 1989? Bagaimanakah INRO menentukan bila mana sumbangan mesti dibuat oleh negara-negara ahli pada keseluruhannya, dan Malaysia khususnya?

Keempat, apakah yang telah terjadi dengan wang \$3.2 juta yang diimbuh balik daripada penamatan INRA I oleh INRO pada bulan Julai lalu?

Yang terakhir, berapa banyakkah sumbangan yang perlu ditanggung oleh negara-negara ahli yang lain terutamanya oleh lima negara pengeluaran yang utama dan lima negara pengguna yang terbanyak? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.32 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Wakil dari Kepong yang telah mengemukakan soalan-soalan sebagaimana yang telah dijelaskan itu.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita ketahui bahawa pada masa ini INRO adalah merupakan gabungan atau pakatan yang terdiri daripada dua komponen iaitu yang pertama ialah negara-negara pengeksport yang terdiri dari Indonesia, Malaysia, Nigeria, Sri Lanka dan Thailand; dan satu komponen lagi ialah negara-negara yang mengimport. Mengikut percentage atau peratus sumbangan yang dikehendaki oleh negara-negara pengimport iaitu berdasarkan peratus suara yang diperolehi dalam persidangan. Ini bermakna Malaysia dikehendaki menyumbang sebanyak 44.361% daripada jumlah keperluan yang dikehendaki, manakala negara-negara lain ialah berdasarkan suara yang diperolehi—Indonesia 27.363%; Nigeria 0.0827%, Sri Lanka 3.842%, Thailand 17.253%.

Manakala baki kewangan INRO yang telah dipulangkan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat, sejumlah \$3.267 juta telahpun diterima. Keperluan-keperluan ini adalah mengikut keperluan semasa. Oleh kerana ini adalah bidang perniagaan, maka sumbangan ini tidak diketahui bila masa yang dikehendaki. Tetapi apabila ianya memerlukan disebabkan keadaan pasaran getah agak begitu sekali mendesak, maka sumbangan ini sertamerta terpaksa dibayar oleh ahli-ahli sebagaimana yang saya sebutkan itu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dengan bayaran yang terbesar di dalam INRO ini lebih 44% kerana peratusan suara yang banyak, apakah faedah keuntungan kepada Malaysia memandangkan pihak Indonesia dan Thailand sedang bergiat menambahkan pengeluaran? Mungkin di dalam beberapa tahun akan datang mereka akan tambah

lagi pengeluaran bersaing dengan Malaysia.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Pengerusi, apa yang kita bicarakan ialah masalah masa ini. Masa ini kita diberi tanggungjawab mempunyai 44%. Jadi tanggungjawab ini mestilah diselesaikan bagi kita menjaga kepentingan negara kita kerana negara kita ialah merupakan pengeksport yang pertama dunia. Jadi, untuk masa depan terpulanglah keadaan semasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sudah habis? Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab sudah habis?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak habis, Tuan Pengerusi. Banyak soalan yang dikemukakan tetapi cuma satu dua soalan dijawab.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi dari segi peratusnya telahpun saya terangkan pada peringkat awal dan daripada \$3.2 juta baki bayaran balik itu telahpun saya jelaskan, telah diterima dan daripada soalan yang seterusnya baki dana itu tidak mempunyai baki. Sebab itulah maka keperluan itu ditambah sebagaimana yang dinyatakan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$26,417,000 yang disebutkan dalam Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$26,417,000 bagi Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B.19 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.39 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak \$67,662,900 dikehendaki untuk menampung peruntukan membayar subsidi harga padi bagi tempoh 1980 hingga 1988. Ketika pengumuman kenaikan subsidi harga padi sebanyak 50% dibuat pada bulan Ogos lalu dan kemudiannya tunggakan dikuatkuasakan bermula pada bulan Julai, jumlah tunggakan kepada 220,000 orang petani dijangka mencapai nilai \$19 juta.

Tuan Pengerusi, difahamkan juga perbelanjaan subsidi setahun ialah \$240 juta. Sekarang kita hendak bertanya asal-usul tambahan \$67.663 juta, apakah hubungan tambahan ini dengan bayaran tunggakan subsidi harga padi yang diumumkan bulan Ogos lalu? Jika tidak ada, maka bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimanakah tanggungan wang \$67.663 juta itu diperbahagi-bahagikan setiap tahun dalam tempoh masa itu? Mengapakah perbelanjaan ini diluar jangkakan Kerajaan?

Berhubung dengan ini, saya juga ingin menyentuh tentang skim subsidi baja yang Kerajaan Pusat memberhentikan di negeri Kelantan. Alasan yang diberi iaitu Kerajaan PAS telah mengubah sistem pembayaran dengan menghalang penghulu membuat bayaran lemah. Tindakan ini semata-mata atas dorongan politik untuk memamatkan Kerajaan PAS di Kelantan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan harus ingat bahawa di Dewan ini tambahan peruntukan diminta diluluskan. Bukan

semua Ahli Yang Berhormat adalah ahli Barisan Nasional. Maka jelaslah bahawa bila Kerajaan meminta peruntukan daripada Dewan yang mulia ini, ia tidak mengira fahaman politik, parti, kaum atau agama. Dewanlah yang meluluskan peruntukan kepada Kerajaan, bukan Barisan Nasional. Peruntukan yang diminta diluluskan juga bukan wang Barisan Nasional atau mana-mana parti pun tetapi wang negara dan wang rakyat.

Tuan Pengerusi, oleh itu pihak Kerajaan terutamanya Barisan Nasional tidak boleh memperalut dan mencemarkan Institusi Kerajaan untuk membalas dendam ke atas PAS ataupun parti yang lain menerusi rakyat.

Tuan Pengerusi, begitu juga ancaman untuk membubarkan KESEDAR. Pihak pentadbir KESEDAR dan Barisan Nasional harus memperingati bahawa KESEDAR itu juga sebahagian daripada institusi Kerajaan. Ia bukan milik Barisan Nasional atau UMNO Baru. Tanpa sebab-sebab yang bernas pihak pentadbir KESEDAR tidak patut menyeru Kerajaan supaya membubarkan institusi itu apatah lagi di atas alasan pertukaran Kerajaan Negeri kerana KESEDAR bukan melibatkan politik, kecuali jika pentadbiran KESEDAR sebegitu tidak menggalakkan, dilamun kegagalan dan kerugian tidak terhenti-henti dan lebih merupakan beban daripada manfaat kepada rakyat, barulah KESEDAR harus dimansuhkan, itupun setelah kajian teliti dibuat untuk meringankan jumlah kerugian supaya modal langsung tidak tergonjol.

Tuan Pengerusi, ianya kenyataan yang berpolitik dan tidak bertanggungjawab untuk memberhentikan pemberian subsidi baja kepada Kelantan dan membubarkan KESEDAR sematamata PAS sudah menjadi Kerajaan Negeri. Memang ianya tabiat Kerajaan Barisan Nasional untuk mempolitikkan segala isu termasuk setiap institusi Kerajaan, rancangan pembangunan bagi kepentingan politik dan peribadi.

Tuan Pengerusi, dengan permintaan subsidi dan perbelanjaan tambahan ini, saya berharap pihak Kerajaan dapat bertindak dan melakukan keadilan yang sebenarnya, bukan ke atas politik sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Pengerusi, mengenai dengan subsidi baja padi, pihak Kementerian sedang membuat kajian. Keputusan ini akan diumumkan setelah kajian selesai.

Mengenai dengan...

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, minta kebenaran dahulu.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tetapi wang ini sudah dibelanjakan, apa lagi hendak membuat keputusan selepas membelanjakan wang itu?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, masalah yang dibincangkan ialah subsidi padi, bukan subsidi baja. Perkara yang dibincangkan ialah subsidi padi iaitu subsidi yang diberikan daripada hasil pendapatan padi, bukan subsidi kepada baja.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Jadi tidak ada perkara yang disentuh dalam perkara ini, Tuan Pengerusi. Jawapannya, perkara yang dibangkitkan oleh wakil dari Kepong ialah mengenai dengan subsidi baja, tetapi dalam peringkat Jawatankuasa

ialah subsidi padi, bukan subsidi baja. Itu jawabannya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sudah habis?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Habis.

Dr Tan Seng Giaw: Saya telah membangkitkan beberapa perkara termasuk hendak membubarkan KESEDAR dan sebagainya tetapi tidak dijawab. *(Ketawa)*

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, ini tidak ada kena mengena.

Tuan Pengerusi: Baiklah. Sebenarnya KESEDAR itu tidak kena mengena di bawah tajuk B.19 itu.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja untuk memberi saranan berhubung dengan peruntukan tambahan sebanyak \$67,662,900/- yang dipohon yang dikehendaki untuk menampung peruntukan bagi membayar subsidi harga padi bagi tempoh *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi: Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak membuat cadangan.

Tuan Pengerusi: Dalam Jawatankuasa boleh, silakan. Dalam Jawatankuasa boleh bercakap dua tiga kali.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya pun tidak faham ada juga pemimpin-pemimpin yang lama tetapi tidak faham tentang peraturan.

Tuan Pengerusi: Boleh, silakan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Nampaknya kena pergi kursus lagi orang-orang ini.

Saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk membuat cadangan kepada Kementerian yang berkenaan bahawa pada masa-masa yang lepas dalam pemberian subsidi harga padi yang nyata-nyata terdapat banyak penyelewengan yang berlaku di mana petani-petani telah memberikan kupon-kupon mereka kepada pemborong-pemborong padi dan yang mengecapi nikmat sebenarnya ialah pemborong tetapi bukan petani. Perkara ini berlaku secara berleluasa terutamanya di beberapa kompleks LPN yang berada di negeri Kelantan dan Terengganu dan sehingga kini tidak ada sesuatu tindakan tegas yang dibuat oleh pihak berkenaan untuk menyekat perkara ini daripada berlaku.

Saya menggesa Kementerian yang berkenaan supaya dapat memastikan bahawa peruntukan yang banyak iaitu \$67 juta yang dipohon ini, yang akan mengecapi nikmatnya ialah petani secara khusus tetapi bukan orang-orang tengah khususnya pemborong-pemborong padi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Boleh jawab sekali lagi. Dalam Jawatankuasa dua tiga kali pun boleh.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada wakil dari Kok Lanas. Kalau ada penyelewengan ini saya minta buat laporan kepada Biro Pencegah Rasuah.

Tuan Pengerusi: Habis dah? *(Ketawa)*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$68,212,900 yang disebutkan dalam Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$68,212,900 bagi Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B.20 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Industri terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,194,300 yang disebutkan dalam Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,194,300 bagi Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B.21 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.21 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$16,000,000 yang disebutkan dalam Maksud B.21 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,000,000 bagi Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$349,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.25 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$349,000,000 bagi Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990.

*Maksud B.26 dan B.60 (Jadual Kedua)—
Maksud P.26 dan P.60 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990)—*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.26 dan B.60 dan Kepala Pembangunan P.26 dan P.60 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat dari Kepong. Jangan tengok keliling, tidak payahlah. (Ketawa)

5.51 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tambahan peruntukan kesemuanya ialah sebanyak \$98,771,500. Kementerian ini menerima peruntukan perbelanjaan Mengurus yang paling tinggi di bawah Rang Undang-undang Kumpulan Wang yang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) bagi perbelanjaan 1991. Daripada Kertas

Perintah 15 Tahun 1990 mukasurat 16 dan 17 diperhatikan bahawa Pendidikan Teknik menerima bantuan perkapita yang paling rendah iaitu \$184,000 diikuti oleh Pendidikan Vokasional \$516,000. Pendidikan Menengah menerima bantuan perkapita \$7.8 juta; Pendidikan Rendah \$12.6 juta; dan Asrama pula menerima bantuan per kapita sebanyak \$1.2 juta.

Tuan Pengerusi, memandangkan bantuan perkapita adalah berasaskan saiz sekolah dan bilangan murid, pendidikan teknik dan vokasional nampaknya secara relatif masih jauh ketinggalan berbanding dengan pendidikan menengah yang biasa. Itupun walaupun dengan permintaan yang bertambah semenjak dua tahun yang lalu sehingga sekolah-sekolah teknik dan vokasional dilaporkan terpaksa mengamalkan kuota kemasukan iaitu 60% daripada tempat diberi kepada pelajar yang mendapat gred satu dan selebihnya kepada mereka mendapat gred tiga.

Tuan Pengerusi, pada hikmat kami penyelesaian bukanlah pada quota tetapi dalam pembinaan lebih banyak sekolah teknik dan vokasional untuk menampung pertambahan dalam permintaan untuk jenis pendidikan ini. Dengan cara begini juga Kerajaan boleh mengesyorkan proses pengwujudan tenaga kerja yang berkemahiran dalam bidang teknik yang lebih cepat.

Kami juga menyedari bahawa setengah-setengah sekolah akademik telah memperkenalkan matapelajaran vokasional dalam sukatan pelajaran. Sekolah-sekolah yang sebegini harus diberi insentif, misalan, bantuan tambahan untuk menyediakan alat-alat pengajaran bagi matapelajaran jenis vokasional.

Pengurusan Kurikulum pula menerima pemberian sebanyak \$1.68 juta. Menurut penjelasan yang diberi ini adalah bagi pembelian peralatan bagi pelaksanaan Kemahiran Manipulatif di sekolah-sekolah rendah. Mengikut satu pengumuman oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Abdul Rahman Arshad pada 19.11.1990, mata pelajaran ini akan digantikan dengan Kemahiran Hidup, Living Skills, dengan izin bagi tahun akademik 1991 hingga 1992. Dalam laporan yang sama, hanya 174 buah sekolah rendah yang sedang mengendalikan mata pelajaran Kemahiran Manipulatif. Kandungan matapelajaran pula adalah ajaran kemahiran yang berkait dengan kegunaan dan operasi perkakas, peralatan dan mesin mekanikal yang mudah yang boleh dijumpai di alam sekitar pelajar.

Maka, Tuan Pengerusi, secara kasarnya, ini bermakna setiap satu daripada 174 sekolah itu akan menerima kira-kira \$9,655. Sebelum ini kami tidak dapat memastikan peruntukan asal yang disediakan khas untuk matapelajaran ini. Bolehkah Kementerian Pendidikan memberitahu kita angka ini? Difahamkan juga bahawa matapelajaran ini diperkenalkan dalam tahun 1986 di mana setiap sekolah diberi grant, permulaan sebanyak \$2,000 di Semenanjung Malaysia dan \$2,800 di Sabah dan Sarawak. Bolehkah Kementerian memberitahu jumlah peruntukan tahunan yang diterima selepas grant permulaan dan jumlah besar kesemuanya sehingga sekarang masing-masing bagi sekolah-sekolah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak? Kerana apa yang disebutkan di dalam Memorandum di Kertas Perintah ini tidak mencukupi untuk menerangkan keperluan pertambahan perbelanjaan ini.

Seterusnya di bawah Pengurusan Kurikulum, saya ingin menyentuh mengenai cadangan Kerajaan untuk menggantikan SRP dengan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Walaupun

kita bersetuju bahawa SRP adalah alat usang yang tidak berkesan mengukur standard mahupun kecenderungan pelajar, kami juga kurang yakin terhadap PMR terutama sekali apabila bentuk penilaian baru ini memerlukan guru-guru membuat penilaian secara individu ke atas berpuluh-puluh muridnya. Tugas ini sukar sekali dilaksanakan dengan berkesan apabila setengah-setengah kelas mempunyai bilangan murid yang tinggi dan kadangkalanya setinggi lebih 35 hingga 50 orang murid. Ini satu keadaan yang tidak begitu memuaskan. Kalau kita hendak melaksanakan PMR, bilangan murid di dalam satu kelas mesti dikurangkan.

Semenjak Kementerian Pendidikan mengumumkan cadangan pelaksanaan PMR pada 18hb November tahun ini, kita masih belum mendapat penjelasan lanjutan yang terperinci mengenai cara bagaimana Kementerian bercadang untuk menjalankan PMR terutama sekali latihan guru-guru. Keberkesanan PMR juga akan terhindar jika kualiti guru-guru kurang baik. Oleh itu kami berharap pihak Kementerian akan mengambil perhatian terhadap peri mustahaknya untuk mengadakan guru-guru yang benar-benar berkebolehan, cekap dan dalam sistem pendidikan kita.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana pengalaman dan kajian saya sendiri ke atas pelaksanaan KBSR dan juga sekarang KBSM di setengah-setengah tempat dan di setengah-setengah bahagian adalah tidak memuaskan. Dan baru-baru ini timbul masalah murid-murid Darjah Enam yang terpaksa diberi ujian atau peperiksaan yang lain mengenai Bahasa Malaysia sebelum dibenarkan melanjutkan persekolahan di Tingkatan I yang membuktikan bahawa ada di setengah-setengah tempat di mana kelemahan wujud.

Begitu juga tanpa guru-guru yang berkualiti dan cekap, maka tidak menghairankan kalau mengikut

dakwaannya Timbalan Menteri Pendidikan dalam kenyataan akhbar pada 21hb November 1990, murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah lemah dalam penguasaan Bahasa Malaysia, maka Kementerian bercadang untuk menambahkan masa dua setengah jam kepada pengajaran mata-pelajaran ini. Di samping itu, murid-murid di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan mempelajari sukatan pelajaran yang berlainan daripada Sekolah-sekolah Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, fakta-fakta ini membuat lebih sukar untuk murid-murid di Sekolah Kebangsaan untuk lulus dengan cemerlang dalam Bahasa Malaysia. Oleh itu bagi mereka yang berjaya mendapat 'A' dalam Bahasa Malaysia bagi UPSR, ianya satu kejayaan yang cemerlang sekali dan mereka ini harus diberi ganjaran dengan dibenar terus memasuki ke Tingkatan Satu tanpa perlu menghadiri kelas peralihan. Mungkin pihak Kementerian mempunyai alasan yang dianggap....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkara itu telahpun disentuh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kerana dia minta wang yang begitu banyak untuk latihan guru, untuk pelbagai perbelanjaan bagi maksud yang sama yang termasuk di dalam Kementerian Pendidikan. Saya bangkitkan hal ini kerana saya hendakkan perkhidmatan guru yang lebih baik bagi negara ini. Walaupun wang itu telah diguna dan dibelanjakan, tetapi kita mestilah waspada kerana bilangan guru bukan sahaja tidak cukup, bahkan juga standard setengah-setengah guru itu tidak memuaskan dan saya berharap dengan permintaan wang yang telah pun digunakan ini, pihak Kementerian boleh mengambil perhatian mengenai kelemahan-kelemahan yang telah saya bangkitkan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Menteri menjawab.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih atas teguran-teguran mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara yang telah ditimbulkan itu tadi telah dijelaskan oleh Menteri Pendidikan sendiri atas usaha-usaha untuk kita memberi peluang kepada mereka yang mendapat 6A di peringkat UPSR pada peperiksaan tahun 1990 ini.

Perkara yang kedua, Kementerian memang sentiasa sedar bahawa keperluan kita untuk meningkatkan lagi prestasi dan usaha-usaha kita memberi perkhidmatan dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah kita pun diambil perhatian dan kita telah berusaha untuk mengubahsuaikan kurikulum kita untuk keperluan masa kini dan juga untuk menghadapi cabaran-cabaran ke dekad 90an dan ke abad yang ke 21. Ini adalah ternyata dalam pelaksanaan program-program kita di sekolah menerusi Kurikulum Baru KBSR dan KBSM termasuk matapelajaran-matapelajaran yang telah ditambahkan.

Begitu juga peruntukan masa itu adalah dikaji dan telah diberi mengikut kesesuaian untuk matapelajaran-matapelajaran yang telah diadakan supaya kita dapat mencapai matlamat yang berasaskan kepada falsafah pendidikan negara kita.

Jadi, sekian sahaja untuk penjelasan saya atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat belum menjawab beberapa soalan yang telah saya timbulkan tadi mengenai yang pertama, sekolah-sekolah vokasional dan

mengenai kemahiran hidup dan mengenai 174 sekolah yang akan menerima \$9,655 untuk kemahiran hidup, dan juga Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, "yang telah menerima", bukan "yang akan menerima".

Dr Tan Seng Giaw: Yang telah menerima, ya. Kerana ia telah menerima, ia hendaklah memberi jawapan yang tepat. Wang itu sudah digunakan dan kita hendak minta diluluskan di sini kerana itulah ia mesti lebih bertanggungjawab untuk menjawab dengan tepat.

Mengenai menggantikan SRP dengan Penilaian Menengah Rendah (PMR), dia tidak jawab lagi kerana dia masuk pada saat saya mengakhiri ucapan saya sahaja dan dia tidak dengar apa yang disebutkan tadi. Jadi, ini menunjukkan sikap yang tidak bertanggungjawab.

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih atas nasihat Ahli Yang Berhormat itu. Saya baru menggulungkan perbincangan saya tadi kerana saya telah menyatakan saya belum duduk, jadi Ahli Yang Berhormat telah berdiri menyatakan saya sudah habis menjawab. Sebenarnya saya akan menyatakan apa-apa yang saya telah tidak sempat menjawab dan saya tidak dapat menjawab di sini saya akan teruskan menjawab secara berikutan. Jadi cara-cara Yang Berhormat itu tadi tidaklah

Tuan Pengerusi: Dia 'jump the gun'.

Dr Leo Michael Toyad: 'Jump the gun' (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Saya dengar dia kata "sekian", kalau tidak "sekian" lagi, silalah (*Ketawa*).

Dr Leo Michael Toyad: Saya ucap terima kasih juga. Okay, tadi soal sebenarnya, bila saya menyatakan fasal sistem dan pemberian wang itu adalah

untuk kita menghadkan kepada peruntukan-peruntukan kurikulum sekolah menengah yang baru dan untuk kemahiran hidup, program-program di mana kita mengubahsuaikan tempat-tempat di sekolah kita dan keperluan untuk menambahkan kemudahan-kemudahan supaya kita dapat melaksanakan program kurikulum baru kita itu. Perkara yang ditimbulkan juga tadi saya harap kalaulah Yang Berhormat mahu menelitikan dari segi berapa peruntukan sebenar untuk program kemahiran hidup pertanian, kemahiran hidup ekonomi rumahtangga dan lain-lainnya, saya boleh hantarkan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Saya tidak dapat berikan di sini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu, minta kebenaran dahulu, dia hendak beri jalan atau tidak.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, minta jalan.

Tuan Pengerusi: Hendak berikah, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dr Leo Michael Toyad: Tidak beri.

Tuan Pengerusi: Tidak beri?

Dr Leo Michael Toyad: Tidak beri. Saya sudah jawab tadi.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri (*Ketawa*). Sila teruskan.

Dr Leo Michael Toyad: Soalan kedua, fasal cadangan-cadangan kita untuk meneruskan program-program di sekolah menengah. Cadangan menggantikan SRP dengan PMR itu, rupanya Yang Berhormat ini tidak berapa yakin. Ini adalah harapan kita supaya pelaksanaan untuk mengadakan Penilaian Menengah Rendah akan dijalankan secara teratur dan terancang. Kita memang akan mengambil perhatian

supaya tenaga pengajar kita dan juga sistem ujian kita itu harus kita nilai dan juga akan diambilkira sebelum kita mengadakan beberapa langkah untuk kita mengambilalih atau menukarkan sistem ujian itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PMR itu adalah sejenis peperiksaan dan ujian yang bersesuaian dengan kehendak atau kehendak yang saya katakan tadi berasaskan kepada falsafah pendidikan dan sistem pendidikan kita yang bersepadu dan melibatkan matapelajaran-matapelajaran supaya mereka ini diuji secara menyeluruh dalam pembangunan diri mereka dan juga pendidikan mereka untuk masa hadapan mereka.

Jadi ini adalah satu perkara yang boleh dikatakan, dengan izin, secara sistem yang memberikan 'continuous assessment' and continuous evaluation of the performance as well as the achievement' atau pencapaian murid-murid kita.

Pasal satu lagi perkara untuk kita jawab bagi perbelanjaan yang telahpun dipohon oleh Yang Berhormat tadi ialah untuk memberikan kemudahan-kemudahan untuk sekolah-sekolah kita. Tadi yang saya nyatakan kita melaksanakan program-program KBSM di peringkat sekolah menengah dan angkanya mungkin saya dapat beri kepada Ahli Yang Berhormat kemudian dari segi peruntukan-peruntukan tambahan itu termasuklah 1,000 buah sekolah yang akan melaksanakan matapelajaran ini mulai tahun persekolahan 1991. Jadi, untuk tahun 1992, 3,000 buah sekolah akan melaksanakan dan seterusnya 3,000 buah lagi sekolah akan ditambah dalam tahun yang akan datang untuk melaksanakan kurikulum baru sekolah menengah ini.

Setakat itu sahaja dan apa yang saya tidak dapat jelaskan, saya akan beri perhatian dan akan memberikan jawapan

kepada Yang Berhormat kemudian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$98,771,500 untuk Maksud B.26 dan \$1,964,700 untuk Maksud B.60 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$98,771,500 untuk Maksud B.26 dan \$1,964,700 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$97,976,000 untuk Maksud P.26; dan \$6,481,897 yang disebutkan dalam Maksud P.60 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$97,976,000 untuk Maksud P.26; dan \$6,481,897 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

Maksud P.27 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$57,692,600 yang disebutkan dalam Maksud P.27 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 di bawah Kementerian Luar Negeri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$57,692,600 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

*Maksud B.30 (Jadual Pertama)—
Maksud B.28, B.29 dan B.30 (Jadual Kedua)—
Maksud P.28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990)—*

Tuan Pengerusi: Kepala B.30 (Jadual Pertama), Kepala B.28, B.29 dan B.30 (Jadual Kedua) dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat dari Padang Terap.

6.14 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kepala B.28 iaitu di bawah Kertas Perintah 15 mengenai dengan Butiran 050000—Lembaga Pembangunan Langkawi yang mana saya menyentuh pada petang kelmarin di dalam perbincangan dasar tetapi dijawab oleh Timbalan Menteri Kewangan bahawa ia akan dijawab di dalam perbincangan pada peringkat Jawatankuasa ini. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan lupa menjawab hujah-hujah saya yang tercatat di dalam *Hansard* muka 95.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian pula kepada Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kertas Perintah 16A Tahun 1990, Butiran 02400—Lembaga Pembangunan Langkawi juga. Saya hanya ada tiga soalan yang hendak saya kemukakan mengenai dengan pembayaran \$5 juta pinjaman untuk diberi kepada Lembaga ini iaitu LADA yang disebut di sini untuk

pinjaman membiayai pembinaan 'chalet' di Teluk Burau, Pulau Langkawi. Keterangan ini tidak menyebut 'chalet' untuk siapa. Apakah 'chalet' ini dibina untuk tujuan komersial, tujuan memberi bilik-bilik penginapan untuk pelancong ataupun 'chalet' untuk kegunaan pegawai-pegawai dan juga kakitangan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana masalah yang dihadapi oleh LADA pada masa ini ialah ketiadaan rumah-rumah untuk pegawai-pegawai LADA malah saya difahamkan bahawa Pengurus Besar LADA sendiri pada masa ini sudah empat bulan tinggal di hotel kerana tidak ada rumah. Di Langkawi cukup susah untuk mendapat rumah. Apakah perkara ini tidak diambil perhatian? Saya fikir kalau Pengurus Besar dibiarkan tinggal di Langkawi Island Resort (LIR) iaitu satu malam \$300, kalau satu bulan \$9,000, ini akan membazir wang Kerajaan.

Soalan yang kedua, Tuan Pengerusi, mengenai dengan sebanyak \$7.774 juta juga ada disebut di sini untuk membiayai projek Bekalan Air Pulau Langkawi. Setahu saya projek Bekalan Air Pulau Langkawi telahpun siap dibina. Saya ingin tahu bentuk apa kerana sumber air minum di Langkawi adalah terhad dan ini telahpun dieksploitasikan oleh pihak JKR. Jadi, \$7 juta ini untuk apa? Adakah untuk saluran ataupun retikulasi yang lebih saya ingin tahu secara detail.

Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

6.17 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 14A, Lampiran A, mukasurat 3. Menurut penjelasan yang diberi tambahan sebanyak \$600 juta dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan. Maka daripada tambahan

\$1,250 juta yang diberi semasa persidangan Jun lalu, Kumpulanwang ini menerima kesemuanya \$1,850 juta bagi perbelanjaan tahun 1989. Keseluruhannya peruntukan kepada B.30 berlipat ganda hampir sembilan kali ganda daripada anggaran asal di mana 81% daripada peruntukan dicarumkan ke dalam Kumpulanwang Pembangunan.

Satu keadaan yang sangat aneh di sini, Tuan Pengerusi, mengapa peruntukan tambahan yang diminta itu berlipat ganda hampir sembilan kali - ini yang membingungkan saya. Sesungguhnya pembangunan mesti dilaksanakan tetapi begitu juga pertanggungjawapan kewangan mesti di pihak Kerajaan. Sebanyak mana wang ini telah menyumbang kepada pembangunan jangka panjang khususnya di bidang infrastruktur harus dijelaskan kepada Dewan.

Menurut seorang pakar ekonomi tempatan, dana Kerajaan harus dilabur ke dalam pembangunan infrastruktur jangka panjang dan bukan sekadar piecemeal sahaja, dengan izin, sepertimana yang dikemukakan di dalam Belanjawan Tahunan.

Selain itu tumpuan dasar pembangunan di kebelakangan 10 tahun ini telah tertumpu kepada perindustrian negara tanpa usaha-usaha ketara untuk meningkatkan tingkat kemahiran tenaga kerja tempatan. Kalau ada pengusaha itu tidak mencukupi, Kerajaan lebih cenderung bergantung kepada pemindahan teknologi daripada pelabur asing dan itupun tidak begitu ketara. Kalau berhasilpun belum nampak lagi. Kini semakin banyak industri berteknologi tinggi digalakkan dibuka di Malaysia. Kebanyakan, jika bukan kesemua industri berkenaan, adalah terlibat dalam sektor pembuatan untuk dieksport.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengatakan perkembangan sektor pembuatan untuk dieksport sungguh

bagus untuk negara kita. Akan tetapi kami lebih mementingkan soal sumber semula jadi serta tenaga buruh kami yang murah tidak dieksploitasikan oleh pelabur asing. Pelabur asing boleh membawa masuk pelaburan tetapi mereka cenderung menggunakan modal lebih daripada tenaga buruh. Jenis tenaga buruh yang berkesan dalam industri-industri berkenaan ialah mereka yang mahir dalam teknologi moden.

Tuan Pengerusi, maksud saya ialah sama ada capital intensive ataupun labour intensive, dengan izin, kita hendak mencapai satu keseimbangan. Satu keseimbangan untuk industri kita ini lebih-lebih lagi kerana kita berhasrat, mungkin mengadakan satu pasaran bersama dalam ASEAN ataupun di Asia Timur atau Asia Rim Pacific.

Negara kita menghadapi masalah kemahiran tenaga pekerja. Begitu juga dengan negara-negara jiran di Republik Singapura dan Thailand menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh tempatan yang mahir di peringkat tinggi pengeluaran. Sesungguhnya setengah pelabur asing pernah menyatakan bahawa tenaga buruh di Malaysia mahir. Sejauh manakah kenyataan mereka ini benar atau semata-mata kenyataan diplomatik untuk menyembunyikan hakikat diri tenaga buruh yang menarik pelabur asing ialah kerana mereka lebih murah daripada negara asal atau lain-lain negara lebih-lebih lagi bila rakyat Republik Indonesia yang membentuk jumlah pekerja haram yang terbanyak sekali di Malaysia senang didapati.

Tuan Pengerusi, saya hendak memberi amaran di sini bahawa walaupun di dalam beberapa bidang kita ada kekurangan pekerja dan terpaksa mengadakan pekerja daripada luar negeri tetapi kita hendaklah berwaspada bahawa pekerja-pekerja seperti daripada Indonesia ataupun daripada Thailand memang kita boleh upah mereka untuk bekerja di dalam estet-estet minyak sawit

dan sebagainya selepas mereka menjadi tenaga mahir, mereka akan kembali ke negara asal. Dan di situlah mereka akan bekerja di ladang-ladang mereka untuk mengeluarkan minyak kelapa sawit untuk bersaing dengan Malaysia. Jadi, kita jadi satu tempat, satu negara untuk melatih mereka menjadi tenaga mahir bagi menyaingkan dengan kita di masa akan datang. Itulah yang kita hendak ingat. Oleh itu, kami berharap Kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya kepada perkara ini dan juga kepada kualiti pembangunan termasuk projek-projek pembangunan. Ia mensia-siakan sahaja, wang rakyat serta sumber semula jadi negara kita, juga wang berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk pembangunan gagal, untuk menjangka dan menepati keperluan serta pergolakan dunia. Di bawah keadaan sedemikian, berbilion-bilion ringgit pun tidak akan mencukupi untuk pembangunan setiap tahun.

Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak \$50 juta diberi sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Amanah untuk Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana. Kami berharap Kerajaan merombak semula jentera pentadbirannya yang diamanatkan untuk membantu mengembangkan industri-industri kecil dan sederhana sepertimana disarankan oleh para cendekiawan semasa bengkel kerja peringkat kawasan ke atas pembangunan industri-industri kecil yang berlangsung pada 12hb hingga 13hb November lalu. Industri-industri inilah yang mempunyai kandungan bahan mentah tempatan yang lebih tinggi berbanding dengan industri-industri elektronik yang bermodal besar tetapi sekurang-kurangnya 70% daripada bahan mentahnya diimport atau industri tekstil di mana lebih daripada 50% kandungan import adalah diperolehi daripada luar negeri.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan adanya caruman kepada Kumpulan Wang Amanah untuk Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil

dan Sederhana, kerana ke atas perindustrian kecil dan sederhana akan kita tumpukan perhatian untuk memajukan negara. Dan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana juga terdiri daripada pelabur-pelabur tempatan. Mereka mempunyai pertaruhan ataupun stake, dengan izin, yang lebih tinggi daripada pelabur asing. Maka ianya tidak sihat untuk terlalu bergantung kepada pelabur asing ataupun the big boys, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya bukan tidak bersetuju dengan penarikan pelabur-pelabur asing ke negara ini, kerana ini adalah satu langkah yang penting untuk memajukan negara tetapi kita hendaklah ada cara-cara pilihan yang lebih berkesan untuk memilih pelabur-pelabur yang benar-benar akan membawa manfaat kepada negara. Memandangkan arus pembangunan dan aliran perindustrian di dalam dunia ini di mana kita nampak negara-negara seperti Soviet Union dan Republik Rakyat China terpaksa membuka pintu untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di dalam negara-negara mereka supaya dapat mengubah cara hidup, dapat menambah pendapatan per capita mereka.

Tuan Pengerusi, Kerajaan harus membantu industri-industri kecil dan sederhana terus berkembang, tidak kira sama ada mereka keusahawanan bumiputera atau bukan bumiputera. Pada masa ini, keusahawanan bukan bumiputera juga di bidang ini merasa tersekat dan tidak terdorong untuk berkembang kerana Industrial Coordination Act.

Tuan Pengerusi, saya hendak tekan di sini sekali lagi bahawa kebanyakan industri-industri kecil ini ada di kawasan-kawasan setinggan sama ada di Wilayah Persekutuan ataupun di lain-lain negeri di Malaysia. Dan apabila kita

ada projek untuk membangun sesuatu kawasan setinggan untuk membersihkan kilang-kilang setinggan ini, kita mesti mengambil kira bagaimana Kerajaan dapat membantu mereka untuk terus berusaha bagi industri-industri kecil, kerana kalau kita hapuskan mereka di dalam satu kawasan setinggan, kita memang memadamkan satu harapan bagi usaha untuk mewujudkan satu negara yang berindustri kecil dan sederhana. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Arau.

6.26 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya cuma menyentuh soalan yang pendek sahaja selama satu minit.

Yang pertamanya Maksud B.30 di mana peruntukan ini telahpun dibelanjakan. Jadi, saya meminta supaya wang ini digunakan di bawah Kementerian-kementerian tertentu untuk membantu industri kecil dan sederhana ini supaya dikembangkan di kawasan-kawasan luar bandar, oleh kerana kita sedia maklum, perkembangan industri kecil dan sederhana dan juga besar ini pada masa sekarang banyak tertumpu di bandar. Jadi, sudah sampailah masanya supaya wang ini digunakan, kalau boleh, di bawah Kementerian tertentu yang memberi perhatian yang lebih kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Dan keutamaan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau, panjang lagikah?'

Tuan Shahidan bin Kassim: Seminit lagi.

Tuan Pengerusi: Seminit tidak bolehlah. Sudah cukup masanya. Sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.